


**Jilid III**  
**Bil. 5**



**MALAYSIA**

**Hari Selasa**  
**24hb April, 1973**

**PENYATA RASMI**  
OFFICIAL REPORT

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KETIGA**  
*Third Parliament*

**PENGGAL PARLIMEN KETIGA**  
*Third Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 487]

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**  
[Ruangan 527]

**USUL-USUL:**

**Waktu Mesyuarat dan Urusan Yang Dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 526]**

**Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong [Ruangan 527]**

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT YANG KETIGA**

*Penyata Rasmi*

**PENGGAL YANG KEDUA**

---

Hari Selasa, 24hb April, 1973

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Datuk Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUN DR ISMAIL AL-HAJ BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timur).
- Yang Berhormat Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Kelang).
- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timur).
- „ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan, TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD, S.M.J. (Pontian Selatan).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSA HITAM (Segamat Utara).
- .. Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- .. Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- .. Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT, K.M.N. (Johor Bahru Barat).
- .. Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N. P.M.P., (Krian Darat).
- .. Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).
- .. NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- .. DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., S.M.K. (Tumpat).
- .. TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- .. PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- .. TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- .. TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- .. TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- .. PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- .. TUAN HAJI AHMAD BIN SAID, J.P. (Seberang Utara).
- .. TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- .. TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N. S.P.M.K., S.J.M.K., (Ulu Kelantan).
- .. PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- .. TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).
- .. DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- .. TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., J.S.M. A.M.N., J.P. (Sungei Patani).
- .. DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).
- .. TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- .. TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- .. AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).

- Yang Berhormat TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timur).
- „ TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S., O.B.E. (Bandar Sibu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

- Yang Berhormat TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, S.M.S., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ DATUK TAJUDIN BIN ALI, D.P.M.P., P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

## YANG TIADA HADIR:

- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,  
TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).
- Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DATUK WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pertanian dan Perikanan, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'AKUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ DATUK Sri S. P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).

## YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ Menteri Tugas-tugas Khas, DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- „ Menteri Kebajikan Am, Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani, J.M.N. (Dilantik).

## DOA

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

### JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

#### ROYAL AUSTRALIAN AIR FORCE DI BUTTERWORTH

**1. Tuan Chan Fu King** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Timbalan Perdana Menteri menerangkan kenyataan beliau bahawa Tentera Udara di Raja Australia yang berpangkalan di Butterworth mungkin diminta keluar dalam tahun 1976 apabila Tentera Udara di Raja Malaysia telahpun menggunakan pengkalan tersebut.

**Timbalan Perdana Menteri (Tun Dr Ismail Al-Haj):** Tuan Yang di Pertua, di dalam ucapan saya, saya tidak pernah menyuruh Royal Australian Air Force di Butterworth keluar pada tahun 1976. Apa yang saya katakan ialah pada tahun 1976 Pengkalan Udara di Butterworth akan menjadi sesak sedikit akibat perkembangan angkatan udara kita.

#### GERAKAN BAWAH TANAH INTELEK LUAR NEGERI

**2. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah benar bahawa ada segulungan intelek berkelulusan luar negeri, yang menjalankan gerakan di bawah tanah yang boleh membahayakan negeri ini dan apakah tindakan bagi mengatasinya.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tun Dr Ismail Al-Haj):** Tuan Yang di Pertua, memang benar ada satu gulungan warganegara-warganegara asing berkelulusan luar negeri yang telah berusaha mempengaruhi penduduk-penduduk tempatan dalam kegiatan-kegiatan siasah dengan tujuan menentang dasar-dasar serta rancangan-rancangan Kerajaan dalam usaha pembinaan masyarakat. Bilangan anasir-anasir gulungan tersebut adalah kecil dan kegiatan-kegiatan mereka itu belum dapat dianggap sebagai mengancam keselamatan negara. Walau bagaimanapun tindakan telahpun diambil untuk menamatkan Pas-pas Kerja mereka

yang terlibat itu dan mereka telahpun meninggalkan negeri ini.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Bolehkan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan orang-orang yang berkelulusan dari negeri manakah yang berkelakuan seperti itu?

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Tuan Yang di Pertua, Yang Berhormat itu mendatangkan soalan dengan cara bersindir, saya pun menjawab dengan cara bersindir juga.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Bolehkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri memberi tahu mengapakah mereka tidak ditangkap?

**Tuan Yang di Pertua:** Bagaimana soalnya?

**Tuan Ng Hoe Hun:** Mengapakah mereka tidak ditangkap, if they posed a threat to the country?

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Tuan Yang di Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat itu mendengar jawapan saya, saya telah jawab apa yang ditanya itu. Jadi tunggulah besok (Penyata Rasmi) bacalah apa jawapan saya itu.

#### KAD PENGENALAN BIRU

**3. Tuan Chan Fu King** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan mengapa warganegara-warganegara Malaysia yang sudah selesai menjalani hukuman mereka di bawah Ordinan Mencegah Jenayah:

- (a) tidak diberi semula Kad Pengenalan Biru dan samada Kerajaan akan mengkaji semula dasarnya dalam perkara ini kerana amalan sekarang ini menyebabkan kesusahan kepada gulungan rakyat ini; dan
- (b) didapati permohonan-permohonan mereka untuk mendapatkan Pasport Antarabangsa ditolak dan dengan itu mereka tidak diberi hak dan keistimewaan seorang warganegara biasa dan tidakkah ini menafikan mereka hak Perlembagaan untuk bergerak dengan bebas.

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Tuan Yang di Pertua,

- (a) Orang-orang yang dikenakan Perintah Pengawasan Polis di bawah Ordinan Mencegah Jenayah No. 13/59 adalah orang-orang yang terlibat dalam kegiatan-kegiatan kongsi gelap, kumpulan haram dan kegiatan-kegiatan jenayah yang lain mengikut Jadual-jadual I dan II kepada Ordinan tersebut. Mereka itu dikeluarkan Kad Pengenalan berwarna coklat selepas didaftarkan nama masing-masing mengikut Seksyen 12 (2) ke dalam Buku Daftar dengan tujuan supaya mereka itu mudah dapat dikenali dan diawasi oleh pihak Polis.

Sungguhpun ada di antara mereka telah tamat menjalankan Perintah Pengawasan Polis di bawah Seksyen 15 tetapi ini tidaklah bermakna yang nama-nama mereka akan dikeluarkan secara automatik daripada Buku Daftar. Saya akan menggunakan kuasa saya di bawah Seksyen 14 untuk mengarahkan Pendaftar Penjenayah supaya mengeluarkan nama-nama mereka daripada Buku Daftar itu jika saya berpuashati bahawa mereka tidak akan lagi melakukan perbuatan jenayah. Kemudian itu bolehlah mereka memohon untuk mendapatkan kad pengenalan berwarna biru.

- (b) Pengeluaran paspot adalah atas budi-bicara Kerajaan dan dikeluarkan jika pemohon itu difikirkan seorang yang layak dan patut diberi paspot. Adalah tidak benar dikatakan bahawa permohonan paspot daripada mereka yang telah tamat menjalani perintah di bawah seksyen 15 Ordinan Mencegah Jenayah No. 13/59 ditolak terus. Permohonan daripada mereka itu adalah ditimbangkan "on the merit of each case". Tujuan mendapatkan paspot ialah untuk berjalan ke luar negeri. Perkara 9 (2) Perlembagaan menyatakan—

“(2) Tertaklok kepada Fasal (3) dan kepada mana-mana undang-undang mengenai keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, ketenteraman awam, kesihatan

awam atau hukuman bagi pesalah-pesalah, tiap-tiap warganegara adalah berhak bergerak dengan bebasnya di seluruh Persekutuan dan bermastautin di mana-mana bahagiannya”.

Oleh itu saya tidak nampak bagaimana Ahli Yang Berhormat hendak mengaitkan soal mendapat paspot dengan hak kebebasan bergerak di bawah Perlembagaan.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua, berkenaan dengan kad pengenalan warna coklat, bolehkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri beritahu macam menukar Kad Pengenalan mereka kepada Kad Pengenalan Biru?

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Mintalah supaya ditukar.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Soalan tambahan lagi, Tuan Yang di Pertua. Adakah orang yang memegang Kad Pengenalan warna coklat, Sijil Warganegara Malaysia mereka dibatalkan?

**Tuan Yang di Pertua:** Saya sendiri pun kurang faham. Cuba tanya sekali lagi.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Seorang yang memegang Kad Pengenalan warna coklat, adakah warganegara Malaysia mereka dibatalkan?

**Tuan Yang di Pertua:** Fasal apa hendak dibatalkan?

**Tuan Ng Hoe Hun:** Itulah saya hendak bertanya, Tuan Yang di Pertua.

**Tuan Yang di Pertua:** Tak boleh—saya sendiri boleh jawab, tidak payah.

**Tuan Awang Bungsu bin Abdullah:** Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menimbangkan jika rakyat belum mendapat warganegara Malaysia, mereka itu akan mengambil paspot, dapatkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengurangkan harga paspot itu yang pada masa sekarang ini berharga \$30?

**Tuan Yang di Pertua:** Tidak ada dalam soalan ini. Itu soalan lain.

## PASPOT MALAYSIA

**4. Tuan Hor Cheok Foon** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada Kerajaan bercadang untuk membatalkan syarat yang menghendaki seorang penjamin bagi satu permohonan untuk mendapatkan paspot antarabangsa oleh kerana ini adalah satu amalan penjajah dan nyatakan samada beliau sedar bahawa amalan yang ada sekarang ini menyusahkan pemohon-pemohon mencari seorang penjamin.

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Tuan Yang di Pertua, adalah diingatkan bahawa Paspot Malaysia adalah satu dokumen yang penting yang membolehkan pemegangnya mendapat pertolongan dan perlindungan daripada wakil-wakil Malaysia di seberang laut dan oleh itu adalah mustahak bagi paspot-pasport itu hanya dikeluarkan kepada "fit and proper person". Penyokong-penyokong dari orang-orang yang dengan sendirinya kenal kepada pemohon itu boleh memberi pertolongan kepada pegawai-pegawai paspot dalam menjalankan tugas-tugasnya bagi menentukan pemohon-pemohon itu adalah "fit and proper person" untuk dikeluarkan paspot yang dipohon. Penyokong-penyokong ini juga boleh menolong pemohon-pemohon yang tinggal di luar bandar berjauhan dengan Pejabat-pejabat Imigresen apabila membuat permohonan melalui pegawai-pegawai kanan Kerajaan seperti Pegawai Daerah yang mengemukakan permohonan paspot itu ke Pejabat Imigresen, mengecamkan pemohon-pemohon itu.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah sebab di saat-saat yang akhir ini orang yang menghendaki Paspot Malaysia dikenakan memberi satu salinan surat beranak, sedangkan ia mempunyai Kad Pengenalan Biru dan adalah orang yang menjadi rakyat di Malaysia sendiri.

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Soalan seperti itu telah didatangkan dalam mesyuarat ini beberapa kali. Saya minta Ahli Yang Berhormat itu membaca sedikit proceedings dalam Parlimen ini.

**Tuan T. S. Gabriel:** Tuan Yang di Pertua, seorang menjadi akuan kepada sipemohon

untuk mengadakan paspot ini mesti kenalkan sipemohon sekurang-kurangnya setahun, mengikut borang itu, tetapi selalu orang dari kawasan saya datang kepada saya untuk mendapatkan tanda tangan saya, saya tidak kenal, sungguhpun saya sudah menjadi wakil rakyat beberapa puluh tahun. Tetapi mereka itu kenal kepada saya. Saya kata tidak boleh, saya tidak mahu sains. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri menjelaskan dalam Dewan ini?

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Tuan Yang di Pertua, itu tanggungjawab Yang Berhormat sendiri, bukan tanggungjawab saya. (*Ketawa*).

## PENDAPATAN CUKAI—POTONGAN

**5. Tuan Haji Mohd. Arif Salleh** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) samada beliau akan menimbang memberi potongan kepada pembayar-pembayar cukai terhadap ibubapa yang mereka tanggung apabila menaksirkan pendapatan cukai; dan
- (b) samada beliau akan menimbang membenarkan penaksiran pendapatan berasingan dibuat bagi kedua-dua suami isteri yang bekerja.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob):** Tuan Yang di Pertua, saya tidak ada apa-apa lagi hendak tambah kepada jawapan saya kepada pertanyaan yang sama yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Port Dickson kelmarin.

Mengenai bahagian kedua soalan itu, saya juga tidak ada apa-apa hendak tambah kepada jawapan sebagaimana yang telah diberi oleh rakan sejawat saya, bekas Timbalan Menteri Kewangan apabila menjawab kepada pertanyaan yang serupa daripada Ahli Yang Berhormat dari Bungsar pada 11hb Ogos, 1972.

## KEUNTUNGAN MENGALIR KELUAR

**6. Tuan Yeoh Teck Chye** minta Menteri Kewangan menerangkan berapa banyak keuntungan yang telah mengalir keluar negeri melalui kaum kapitalis asing setiap

tahun dan samada beliau akan mengemukakan Undang-undang untuk menentukan supaya sebahagian daripada keuntungan itu dilaburkan dalam perusahaan-perusahaan yang memerlukan banyak pekerja-pekerja supaya keadaan pengangguran dalam negeri ini dapat diperbaiki.

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di Pertua, adalah sukar bagi kita menentukan banyaknya keuntungan yang dibawa keluar dari Malaysia oleh Pelabur-pelabur luar negeri tiap-tiap tahun oleh kerana urusan-urusan semasa dan modal (current and capital transactions) di antara Malaysia dan Wilayah-wilayah yang dijadualkan iaitu wilayah-wilayah yang termasuk dalam negeri-negeri bekas Kerajaan Sterling, adalah tidak tertaalok kepada kawalan pertukaran wang. Bagi negeri-negeri luar daripada Wilayah yang dijadualkan, sungguhpun peraturan kawalan pertukaran wang dikenakan, urusan-urusan semasa adalah dibenarkan secara bebas dengan kawalan yang minima. Kawalan-kawalan pertukaran wang yang dikenakan di atas urusan modal ke negeri-negeri tersebut adalah ditadbirkan secara liberal dan kelulusan biasanya diberi bagi urusan *bona fide*.

Walaupun bagaimanapun, suka saya menerangkan bahawa pengaliran keluar keuntungan tidaklah boleh dipandang berasingan kerana Malaysia juga adalah menerima modal dari luar dan pengaliran masuk modal atau keuntungan kena diambil-kira bersama dengan pengaliran keluar keuntungan. Daripada perangkaan imbangan kira-kira bayar-membayar yang disiarkan dalam Laporan Tahunan Bank Negara, 1972, akaun modal menunjukkan bahawa di dalam tahun 1972 jumlah bersih pengaliran masuk modal jangka panjang adalah sebanyak lebih kurang \$180 juta. Ini adalah lebih baik dari tahun 1971 di waktu mana jumlah bersih pengaliran masuk modal jangka panjang ialah \$160 juta. Angka-angka yang disebutkan adalah termasuk modal yang dilabur semula di Malaysia.

Berhubung dengan cadangan supaya diadakan Undang-undang bagi menjamin penanaman semula sebahagian daripada keuntungan pelabur-pelabur luar negeri, kami berpendapat bahawa langkah seperti itu adalah sangat tidak diingini kerana ini tentu akan menimbulkan kesan buruk ke atas

suasana pelaburan di negeri ini. Sebenarnya dasar Malaysia yang liberal terhadap pertukaran wang adalah suatu faktor yang telah menyumbangkan kepada pengaliran masuk modal luar yang banyak yang diperlukan untuk pembangunan perindustrian kita dan ini juga menambahkan pekerjaan-pekerjaan dan membawa kepada permodanan teknik.

Walaupun bagaimanapun, kita sudah mempunyai dasar di mana pelabur-pelabur luar negeri yang bercadang menanam modal di Malaysia digalakkan supaya menubuhkan perusahaan-perusahaan bersama dengan rakyat Malaysia. Satu daripada syarat-syarat lazim yang dikenakan manakala kelulusan diberi kepada pelaburan yang akan dijalankan oleh pelabur-pelabur modal luar negeri ialah sebahagian yang tertentu daripada syer modal biasa kena dipegang oleh rakyat Malaysia. Sekarang ini adalah menjadi dasar kita mewajibkan syarikat asing memberi kepada rakyat Malaysia tidak kurang daripada 51%. Dengan secara begini, sebahagian daripada keuntungan akan dibahagikan kepada pemegang-pemegang saham warganegara Malaysia dan cuma yang baki itu dapat dikirimkan keluar negeri dengan secara bebas. Bagi perusahaan-perusahaan yang berhaluan eksept, walaupun bagaimanapun, kita tidak membuat syarat-syarat memerlukan pemberian syer modal biasa kepada rakyat Malaysia yang mengakibatkan rakyat Malaysia memegang kuasa.

**Dr Tan Chee Khoo:** Soal tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar kira-kira \$500 juta keuntungan daripada syarikat pelabur-pelabur asing keluar daripada tanah air kita, dan adakah Menteri yang berkenaan sedar jika kita memerlukan mereka menanam wang itu 25% daripada keuntungan itu di dalam tanah air kita dan bukan semuanya keluar, maka kita boleh dapat lebih wang untuk membina atau mengadakan lebih kilang-kilang dan pekerjaan-pekerjaan kepada rakyat di tanah air kita.

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di Pertua, sebagai jawapan saya tadi kita tidak boleh menentukan berapa banyak pemodal-pemodal asing bawa keluar keuntungan daripada negara kita, tetapi kita mengetahui ada keuntungan ini dibawa keluar. Walaupun bagaimanapun, mereka itu

sudah pun melaburkan balik wang keuntungan itu ke dalam negara kita bagi membuka cawangan-cawangan kilang-kilang yang lain dalam negeri ini.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa ada beberapa buah negeri, ada undang-undang yang menahan keuntungan keluar daripada negeri mereka, jika beliau sedar, mengapakah kita tidak boleh berbuat demikian juga untuk kepentingan rakyat kita?

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Sebagai mana yang saya jawab tadi, kita ini adalah liberal untuk hendak menarik pelabur-pelabur asing datang ke negeri kita untuk melabur modal dan untuk pekerjaan kepada rakyat di negara kita.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan atau Kementerian-nya ada bukti jika kita tukar dasar kita daripada dasar yang begitu liberal yang disebutkan oleh Timbalan Menteri kita tidak dapat pelabur-pelabur membawa modal-modal ke tanah air kita?

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di Pertua, kita dapat pelabur-pelabur datang ke negeri kita untuk melabur modal mereka dengan keadaan sekarang.

**Dr Tan Chee Khoon:** Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar, jika kita membuat Undang-undang untuk menahan umpamanya 25% keuntungan ditanam balik di tanah air kita, kita pun boleh dapat pelabur-pelabur yang membawa modal-modal (technical know-how) juga ke tanah air kita.

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di Pertua, kita telahpun mengkaji akan hal ini dan mengambil pengalaman-pengalaman daripada negara-negara lain bahawa kita berpendapat cara yang kita buat hari ini adalah sangat sesuai untuk pada masa ini.

#### BEKALAN BATANG BESI— KEKURANGAN

**7. Raja Nong Chik bin Raja Ishak** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

(a) memandangkan kepada kekurangan pembekalan besi yang diperlukan bagi pembinaan bangunan sepertimana yang disuarakan oleh pemborong-pemborong dan pemaju-pemaju perumahan akibat daripada perkembangan perumahan pada masa sekarang dan masa hadapan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan di kawasan-kawasan luar bandar, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan dalam perkara ini;

(b) memandangkan kepada pembangunan yang pesat di negara ini pada masa sekarang, samada Kerajaan akan menubuhkan kilang-kilang melebur besi seperti yang ada di Prai untuk mengatasi kekurangan pembekalan besi yang diperlukan bagi kerja-kerja pembinaan dalam masa Lima Tahun Yang Kedua Rancangan Malaysia; dan samada Kerajaan akan melonggarkan tarif impot ke atas besi dan lain-lain perkakas penting yang diperlukan bagi kerja-kerja pembinaan sementara kilang-kilang baru sedang didirikan;

(c) berapa tan besi yang dikeluarkan oleh Kilang Besi MALAYAWATA dalam tahun 1972; dan

(d) kegunaan-kegunaan besi dalam pembangunan negara kita dalam tahun 1972.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Musa Hitam):** Tuan Yang di Pertua,

(a) Semenjak Kerajaan telah mengetahui keadaan kekurangan bekalan batang-batang besi dalam negeri ini, langkah-langkah telah diambil untuk mengecualikan cukai impot ke atas 10,000 tan batang-batang besi. Telah ditaksirkan, pada masa ini, bahawa kekurangan bahan-bahan ini boleh jadi lebih besar daripada jumlah yang telah dianggarkan. Tindakan telah diambil juga untuk membenarkan impot tambahan sebanyak 20,000 tan batang-batang besi, bebas dari cukai.

Di sini ingin saya sebutkan bahawa Kementerian saya sangatlah memandangkan berat atas pentingnya keperluan batang-batang besi dan bahan-bahan bangunan yang lain dalam

perusahaan binaan. Untuk menghadapi masalah ini, Jawatankuasa Bertindak mengenai Besi dan Besiwaja telah ditubuhkan untuk mengawasi dan mengulang kaji kedudukan penawaran dan permintaan batang-batang besi dan juga keupayaan pengeluaran pengilang-pengilang tempatan.

- (b) Mengikut kepada kelulusan-kelulusan yang diberi kepada pengilang-pengilang besi, keupayaan pengeluaran pada masa ini, sebagaimana yang diakui oleh pengilang-pengilang besi tersebut, boleh mencukupi pembekalan yang diperlukan oleh pasaran dalam Rancangan Malaysia Kedua.

Sebagaimana yang telah saya nyatakan, Jawatankuasa Besi dan Besiwaja Kementerian saya senantiasa mengawasi kedudukan penawaran dan permintaan dan juga keupayaan keluaran yang sebenar. Berkenaan dengan impot, Kerajaan telah menyediakan kemudahan-kemudahan dengan mengecualikan cukai impot di atas batang-batang besi untuk mengatasi kekurangan ini. Polisi ini juga meliputi lain-lain bahan binaan bangunan yang penting.

- (c) Malayawata Steel Berhad mengeluarkan beberapa jenis keluaran besi pada tahun 1972. Jumlah yang dikeluarkan oleh kilang rolling Malayawata ialah 116,059 tan. Manakala jumlah semua jenis keluaran besi oleh semua kilang-kilang besi ialah 181,892 tan.
- (d) Anggaran permintaan batang-batang besi (3/8" dan lebih) pada tahun 1972 ialah 170,000 tan.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar oleh sebab pengeluaran batang-batang besi seperti yang disebutkan oleh beliau iaitu 3/8" dan sebagainya, semuanya tidak mencukupi, maka harga batang-batang besi telah dinaikkan dan tidak boleh dapat barang itu juga dan adakah beliau juga sedar bahawa tindakan yang telah diambil supaya kita boleh mengimpot dengan mengecualikan tariff atau cukai, itu pun tidak mencukupi, oleh sebab kalau tiap-tiap tahun Malayawata Steel Berhad pengeluarannya tidak mencukupi untuk kegunaan

di negeri kita bolehkah Timbalan Menteri yang berkenaan menggalakkan pihak swasta membina sebuah kilang besi lagi supaya pengeluarannya boleh digunakan oleh pengguna-pengguna batang besi di tanahair kita?

**Tuan Musa Hitam:** Tuan Yang di Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi, pihak Kerajaan memanglah sedar atas kekurangan besi-besi ini dan sebab itulah maka 30,000 tan kesemuanya telah dibenarkan masuk di dalam negeri kita ini dengan tidak dikenakan cukai; itu langkah yang pertama. Dan pihak Kerajaan sedar juga bahawa langkah ini tentulah tidak mencukupi kalau didapati lagi bahawa pengeluaran besi ini dan langkah-langkah yang diambil itu pun tidak mencukupi. Walau bagaimanapun, saya suka menyatakan bahawa anggaran penggunaan besi ini ialah berasas kepada tahun 1972. Mengikut angka-angka yang ada di tangan kita pada tahun 1972, anggaran penggunaan ialah 170,000 tan, tetapi pengeluaran pada tahun itu ialah 181,892 tan. Bermakna pengeluaran untuk tahun 1972 ialah berlebihan, tetapi untuk tahun 1973, oleh sebab kita mengalami cuma dua, tiga bulan sahaja dan nampaknya ada "building boom" yang tidak pernah dialami di dalam negara kita ini, kita akan menggalakkan kilang-kilang yang mengeluarkan besi ini mengeluarkan besi mengikut capacity mereka yang ada dan mengikut kilang-kilang yang ada di dalam negara kita termasuklah Malayawata juga, mereka kalau mengeluarkan besi ini mengikut capacity yang sudah diberikan kepada mereka, maka pengeluaran besi ini akan mencukupi. Walau bagaimanapun, soal ini akan dikaji dari semasa ke semasa melalui Jawatankuasa Bertindak mengenai Besi dan Besiwaja yang saya sebutkan tadi.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan. Tadi Menteri yang berkenaan sebutkan pengeluaran daripada besi-besi ialah 180,000 tan lebih, adakah beliau sedar, saya dapat tahu pengeluaran ini sebahagiannya telah diekspotkan, oleh sebab itu ada kekurangan batang-batang besi di tanahair kita. Adakah juga Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bukan tahun ini sahaja kekurangan batang-batang besi, tetapi pada pendapat saya, tiga, empat tahun dahulu, tiap-tiap tahun ada kekurangan batang-batang besi dan oleh sebab itu jika kilang yang ada sekarang tidak boleh mengeluarkan batang-batang besi

untuk kegunaan industry kita, kita perlu membina sebuah kilang besi yang besar seperti Malayawata Steel Berhad?

**Tuan Yang di Pertua:** Soalannya apa?

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalannya jika pengeluaran daripada kilang-kilang besi yang ada sekarang tidak mencukupi untuk kegunaan industry di tanahair kita, Kerajaan perlu menggalakkan pihak swasta membina sebuah kilang besi lagi yang besar seperti Malayawata Steel Berhad.

**Tuan Musa Hitam:** Tuan Yang di Pertua, sebagai langkah utama pihak Kerajaan akan memastikan bahawa kilang-kilang yang ada sekarang ini mengeluarkan besinya mengikut capacity—langkah yang pertama. Kalau misalnya betul-betul didapati selepas itu tidak cukup juga akan diambil tindakan untuk mengkaji soal penubuhan kilang-kilang yang lebih daripada yang ada sekarang.

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Yang saya tahu iaitu melebur besi di kilang besi yang lain adalah lain macam daripada Malayawata Steel Mill mencair besi menjadi merah semacam air keluarnya, dijadikan besi panjang, tetapi kilang-kilang yang lain yang dikatakan oleh Timbalan Menteri ini adalah besi biasa seperti dibuat paip. Jadi, dengan sebab itu oleh kerana kekurangan besi ini adakah Kerajaan membenarkan sebuah lagi steel mill semacam Malayawata ini bagi menghasilkan besi untuk negara ini, maka pertanyaan saya iaitu 7 (b) ini belum dijawab lagi, iaitu boleh atau tidak Kerajaan mengadakan lagi sebuah kilang melebur besi sebagai Malayawata Steel Mill, boleh atau tidak?

**Tuan Musa Hitam:** Tuan Yang di Pertua, saudara kita Yang Berhormat tadi pun sudah bertanya soalan yang sama dan saya sudah jawab.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar kilang-kilang besi seumpama Malayawata Steel Berhad, mereka tidak mahu membuat batang besi kecil seperti 3/8" atau 1/2", mereka hendak membuat batang besi yang besar, oleh sebab itu senang dan keuntungannya lebih, tetapi

membuat batang besi yang kecil itu susah membuatnya? Adakah beliau sedar keadaan ini dan jika sedar bolehkah beliau atau Kementerianya mengambil tindakan supaya kilang-kilang besi membuat batang besi seumpama 3/8", 1/2" dan 1/4" supaya kekurangannya di dalam batang besi yang saya sebutkan, bukan batang besi yang besar?

**Tuan Musa Hitam:** Tuan Yang di Pertua, mengikut jawapan yang saya berikan tadi batang-batang besi 3/8" lah yang telah dikeluarkan lebih banyak, jadi tidak benar dikatakan mereka ini tidak mengeluarkan batang besi yang sebegitu.

**Dr Tan Chee Khoon:** Tuan Yang di Pertua, saya faham 3/8" pengeluarannya lebih, tetapi kegunaannya pun lebih. Saya sedar oleh sebab apabila saya membina rumah perawatan saya ada kekurangan batang besi 3/8" dan pemborong saya tidak boleh mendapat batang besi itu. Walaupun pengeluarannya lebih, tetapi kelebihan itu tidak mencukupi. Oleh sebab itu, pemborong-pemborong berkata: Dr tidak ada wang, tidak boleh beli barang ini, tidak boleh impot, pengeluarannya tidak cukup, apa boleh buat sekarang, katanya. (*Ketawa*).

**Tuan Musa Hitam:** Tuan Yang di Pertua, saya berharap selepas Kerajaan memberikan kebenaran untuk memasukkan 30,000 tan batang besi baharu-baharu ini, maka bangunan yang sedang didirikan oleh Ahli Yang Berhormat itu akan dapat didirikan dengan sempurna. (*Ketawa*).

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Tahun 1971, tahun 1972, sekarang ini tahun 1973. Tahun 1971 juga tidak cukup besi, kontrekter-kontrekter, pembina-pembina mengatakan tidak cukup dan besi naik dari setahun ke setahun. Tahun 1972 lagi naik, tidak cukup, tidak dapat. Tahun 1973 oleh kerana pembangunan Lima Tahun Yang Kedua ini tersangat-sangat mustahak, dikatakan 30,000 tan akan datang, saya fikir itu pun tidak cukup. Kalau tidak cukup, bagaimana? Adakah pembangunan-pembangunan Kerajaan dalam tempoh lima tahun terpaksa tersekat, oleh kerana cuma dihadkan 30,000 tan sahaja kemasukan besi-besi ini ataupun oleh kerana mustahaknya besi-besi ini maka Kerajaan terpaksa mendirikan sebuah kilang lagi, steel mill lagi di negara kita ini?

**Tuan Musa Hitam:** Tuan Yang di Pertua, saya fikir Ahli Yang Berhormat ini cuma bercakap dari segi berita-berita angin ataupun spekulasi sahaja. Bila dia kata tahun 1972 tak cukup mengikut angka-angka yang saya berikan tadi anggaran kita 170,000 tan tetapi mengikut keluaran kilang ialah 181,892 tan, kalau tak cukup tolonglah berikan kepada saya angka yang bertentangan baharulah saya akan kaji soal ini sebenarnya dan menentukan selepas itu akan dasar pada masa akan datang.

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Oleh kerana makanan manusia adalah makin lama semakin mahal, dengan sebab itu juga perumahan manusia makin lama makin mahal dan banyak berlaku black market, adakah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian memikirkan bahan-bahan perdagangan juga mesti diadakan tax supaya tidak dinaikkan oleh kaum-kaum pemodal atau pihak yang monopoli tidak menaikkan dari sehari ke sehari. Bolehkah dibuat demikian?

**Tuan Musa Hitam:** Tuan Yang di Pertua, ini soal lain dari segi black market. Pihak Kementerian saya belum puashati lagi bahawa perkara ini sedang berlaku di kalangan pengeluar-pengeluar dan penjual-penjual besi. Kalau ada juga soal ini minta tolonglah beritahu saya mengatakan ada black market, saya harap Ahli Yang Berhormat itu tak terlibat membelinya. Kalau orang hendak menjual dengan harga black market, tolonglah lapurkan kepada saya.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian berhubung dengan Masters Builders Association yang mana mereka boleh dikatakan tiap-tiap bulan mengatakan tentang kekurangan batang-batang besi dan bolehkah juga Menteri yang berkenaan beritahu kepada Dewan ini kebenaran untuk mengimpot batang-batang besi kecuali cukai boleh berlaku semasa ada kekurangan batang-batang besi dengan tak payah dibayar apa-apa.

**Tuan Musa Hitam:** Tuan Yang di Pertua, Kerajaan sedar bahawa kekurangan batang besi ini nampaknya cuma terjadi di dalam dua tiga bulan pada tahun 1973 yang menjadi tenat—tenat ini yang serious nampaknya

pada tahun 1973 dan oleh sebab itulah mengikut pengetahuan yang diberikan kepada kami melalui badan-badan termasuklah Masters Builders Association, maka Kerajaan telah mengambil langkah yang tegas memberi masuk 30,000 tan dengan tidak mendapat cukai. Kita tidak harus mengecualikan kemasukan batang-batang besi ini di dalam negara kita dengan tidak ada had, oleh sebab dasar kita menghadkan setakat ini dasar Kerajaan ialah untuk menjaga juga industri besi di dalam negara kita ini. Kalau kita tak puashati atas peranan mereka ini, baharulah kita akan timbangkan langkah-langkah yang tertentu untuk masa akan datang.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian ini akan mengambil tindakan sekiranya didapati setengah-setengah ahli perniagaan kita dalam negeri ini menyimpan jenis-jenis besi bagi mengambil peluang harga yang lebih dalam perniagaannya?

**Tuan Musa Hitam:** Tuan Yang di Pertua, itu soal lain.

**Tuan Hussain bin Haji Sulaiman:** Tuan Yang di Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan berpuashati dengan angka-angka pengeluaran yang diberi oleh pihak pengilang kepada Kerajaan?

**Tuan Musa Hitam:** Tuan Yang di Pertua, tiap-tiap angka yang diberi kepada kita itu kita semak.

**Tuan Hussain bin Haji Sulaiman:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Sekiranya dari angka yang diberikan itu tidak menepati dengan keadaan yang sebenar, bolehkah Timbalan Menteri memberi jaminan apakah tindakan yang akan diambil kepada pihak yang berkenaan itu?

**Tuan Musa Hitam:** Tuan Yang di Pertua, tolonglah berikan angka-angka itu dahulu.

#### KOMPLEK PERUSAHAAN KEMUNTING

8. **Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat samada Kementeriannya telah menyelesaikan penyiasatannya terhadap kebajikan kaum pekerja

di kompleks Perusahaan Kemunting Taiping, jika ya, apakah hasil penyiataan itu dan apakah langkah-langkah yang telah dijalankan oleh Kementeriannya untuk membantu kaum pekerja di sana menubuhkan kesatuan sekerjanya.

**Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan Haji Ramli bin Omar):** Tuan Yang di Pertua, penyiataan telahpun dibuat di berbagai-bagai kilang di kawasan perusahaan Kemunting. Pada amnya undang-undang dipatohi. Beberapa perkara yang tidak memuaskan hati pekerja-pekerja telahpun diperbaiki.

Saya akan menyebut beberapa perkara yang dirujuk khas oleh Ahli Yang Berhormat itu:

**RAWATAN PERUBATAN:** Pekerja-pekerja terus mendapat rawatan dari doktor-doktor yang dilantik. Satu kilang yang dahulunya mengenakan bayaran "normal" bagi mendapat rawatan, sekarang telahpun bersetuju membayar semua belanja rawatan. Ordinan Pekerjaan tidaklah menghendaki majikan-majikan memberikan rawatan perubatan percuma; ia hanya menyediakan peperiksaan perubatan percuma bagi tujuan menentukan kesakitan untuk mendapatkan cuti sakit bergaji.

**SAHAM:** Satu syarikat telah menyediakan sebanyak 200 saham syarikat yang berharga \$1 nilai par bagi tiap-tiap pekerja, tetapi bagi sesiapa yang tidak mahukan saham itu, syarikat telah menawarkan membayar \$40. Sebilangan pekerja-pekerja telah menerima wang \$40 itu dan tidak mengambil saham-saham itu. Berikutannya, aduan-aduan telah diterima dari pekerja-pekerja bahawa mereka hanya diberikan beberapa hari sahaja untuk mendapatkan wang bagi membeli saham-saham itu. Perkara ini telahpun dibawa ke perhatian Kementerian Perdagangan dan Perusahaan.

**KADAR GAJI:** Kenaikan gaji adalah diberikan berdasarkan kebolehan (merit) dan pengalaman. Kementerian saya telahpun meminta kilang yang berkenaan supaya mengadakan sekim kenaikan gaji yang tetap. Sekurang-kurangnya sebuah kilang telahpun memberikan kenaikan berkuatkuasa mulai 1-1-73 (dengan bayaran

tinggakan sebanyak \$6,842.44 yang telah dibayar) dan telah melaksanakan sekim kenaikan itu.

**KESATUAN SEKERJA:** Tindakan telahpun diambil bagi membantu penubuhan sebuah kesatuan sekerja.

**Dr Tan Chee Khoo:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua, Adakah Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat sedar pekerja-pekerja di Kemunting Industrial Complex apabila mereka pergi ke Rumah Sakit Kerajaan dan dapati surat cuti daripada doktor di sana, surat cuti itu tidak diakui oleh majikan dan mereka tidak dibayar gaji pada masa mereka mendapat cuti. Jika beliau sedar, dan beliau sendiri telah melawat kompleks itu, apakah tindakan Kerajaan akan ambil supaya majikan-majikan yang mendapat surat daripada doktor yang telah didaftarkan (registered doctor) mesti mengakui surat-surat cuti itu?

**Tuan Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di Pertua, mengikut Ordinan Pekerja yang ada peruntukannya bahawa seseorang yang berhak mendapat cuti adalah berhak mendapat cuti, dan kalau ada perkara yang tertentu yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu bolehlah Ahli Yang Berhormat itu beritahu kepada saya dan saya akan siasat dan ambil tindakan.

**Dr Tan Chee Khoo:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua, adakah Setiausaha Parlimen berkenaan sedar kebanyakan pekerja di sana tidak berpuashati dengan seorang doktor yang dilantik oleh majikan kilang di sana, jika beliau sedar, dan saya tahu beliau sedar, bolehkah Kementerian Buruh menasihatkan majikan kilang-kilang di sana untuk menukar doktor-doktornya, oleh sebab di Taiping bukan hanya ada seorang doktor sahaja, pada pendapat saya ada lebih kurang 20 orang doktor di sana dan majikan-majikan di sana boleh melantik doktor-doktor itu supaya pekerja-pekerja boleh pergi ke dispensari itu apabila mereka sakit untuk mendapat rawatan yang baik.

**Tuan Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di Pertua, oleh kerana ada aduan yang telah didatangkan oleh kilang-kilang di kawasan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, maka saya pun mengambil daya usaha pergi membuat lawatan ke tempat itu dan

juga bersama-sama dengan pegawai-pegawai dari Kementerian saya. Selepas lawatan itu, kita telah dapati beberapa perkara kerumitan yang berupa pertanyaan-pertanyaan telah pun dikemukakan yang mendatangkan tidak puas hati kepada pekerja-pekerja di sana. Apabila kita follow up dan meminta pula pegawai-pegawai kita untuk mengadakan temuduga dengan pekerja-pekerja yang terlibat dalam masalah-masalah yang telah ditimbulkan itu, tetapi tidak pun seorang daripada pekerja itu datang untuk temuduga bagi dijalankan siasatan yang lebih lanjut lagi, dan kita juga pergi membuat penyiasatan untuk menjalankan keadilan kepada pekerja-pekerja itu dan sampai sekarang ini sudah 3 kali pegawai-pegawai kita pergi kerana urusan seumpama itu, malahan orang yang tertentu yang menuduh doktor itu pun tidak datang untuk memberikan laporan yang sebenarnya kepada pegawai kita. Walaubagaimanapun Ahli Yang Berhormat adalah salah seorang daripada ahli Malayan Medical Association, kalau ada juga perkara-perkara yang seumpama itu, bolehlah beliau daripada Association itu mengambil tindakan terhadap doktor-doktor yang berkenaan.

**Dr Tan Chee Khoon:** Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Saya hendak memberitahu kepada Setiausaha Parlimen yang berkenaan iaitu pihak yang boleh mengambil tindakan bukan Medical Association tetapi Malaysian Medical Council, tetapi sampai sekarang ini saya sebagai seorang ahli Malaysian Medical Council belum ada menerima aduan daripada sesiapa pun tentang doktor itu, tetapi walaubagaimanapun, Tuan Yang di Pertua, adakah Setiausaha Parlimen sedar, apabila ada perkara-perkara yang tidak diingini berlaku khususnya terhadap pekerja-pekerja perempuan, mereka malu untuk memberitahu apa yang berlaku di dispensari doktor tersebut dan oleh sebab itu pekerja-pekerja, seumpama dalam kes rape, pekerja-pekerja itu tidak keluar memberi maklumat sebagai witness tentang apa yang berlaku. Mengenai perkara ini. Tuan Yang di Pertua, sebenarnya saya ada mendapat suatu surat yang ditulis oleh bapa seorang pekerja perempuan dan saya boleh menyampaikan surat itu kepada Menteri Buruh, dan saya berharap Menteri Buruh boleh mengambil tindakan yang tegas supaya majikan-majikan yang berkenaan boleh dinasihatkan untuk menukar doktor yang dilantik itu.

**Tuan Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di Pertua, dalam perjumpaan saya dengan pekerja-pekerja itu pun mereka telah mengemukakan kepada saya mengenai perkara itu dan saya katakan kalau perkara itu serious bolehlah dilapurkan kepada pihak polis dan boleh dijadikan Police case. Dan keduanya, kalau Ahli Yang Berhormat itu telah terima surat itu, saya sehingga hari ini belumlah saya terima, kalaulah tidak ada surat itu saya terima, maknanya saya anggapkan bahawa perkara itu dengan usaha Kementerian saya telah pun dapat diatasi dan dibaiki.

**Tuan Yang di Pertua:** Saya tidak benarkan soalan yang semacam ini berpanjangan.

### KESATUAN SEKERJA

**9. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada Kerajaan bercadang hendak meminda undang-undang bagi menjamin:

- (i) bahawa pegawai-pegawai kesatuan sekerja diberi balik hak demokratik mereka untuk memegang jawatan-jawatan kanan di dalam parti-parti politik;
- (ii) kesatuan-kesatuan sekerja yang mewakili bilangan yang terbesar pekerja-pekerja diiktirafkan oleh majikan-majikan secara automatik; dan
- (iii) peruntukan undang-undang yang kuat diadakan untuk melindungi pekerja-pekerja daripada penganiaan, ugutan dan pembuangan kerja oleh majikan-majikan kerana mereka menubuh atau mengambil bahagian cergas dalam kegiatan-kegiatan kesatuan sekerja.

**Tuan Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di Pertua, jawapan bagi soalan-soalan itu ialah:

- (i) Tidak
- (ii) Tidak
- (iii) Perbekalan-perbekalan yang mencukupi telah pun disediakan di dalam Akta Perhubungan Perusahaan, 1967.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di Pertua, sedarkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan bahawa perbekalan undang-undang yang ada sekarang ini tidak

itu tindakan susulan adalah dijalankan bagi menentukan supaya seseorang peniaga Bumi-putra yang diberi peluang tidak menyalahgunakan kemudahan yang diberikan kepadanya.

### TOL ISTIMEWA KEPADA KENDERAAN

12. Tuan Seah Teng Ngiab bertanya kepada Menteri Kerja Raya dan Tenaga samada Kerajaan akan menimbang mengadakan bayaran tol istimewa kepada kenderaan-kenderaan yang berulang alik tiap-tiap hari menyeberangi Jambatan Muar untuk pergi ke Kawasan-kawasan Perindustrian.

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di Pertua, bayaran tol istimewa kepada kenderaan-kenderaan yang berulang alik tiap-tiap hari menyeberangi Jambatan Muar sudah disediakan semenjak 1hb Julai, 1971 lagi. Bayaran-bayaran tol istimewa itu ialah seperti berikut:

	Bayaran biasa	Bayaran istimewa
Motokar ...	.50c.	.25c.
Bas ...	\$1.00	.50
Bas Sekolah ...	1.00	.25
Teksi ...	.50c.	.16 2/3

Bayaran-bayaran tol istimewa ini diberi dengan cara mengeluarkan tiket-tiket musim (seasonal tickets) kepada pembawa-pembawa kenderaan-kenderaan itu. Saya percaya bayaran-bayaran tol seperti ini adalah sangat menasabah ataupun berpatutan.

Walaubagaimanapun tiket-tiket musim (seasonal tickets) itu tidak dikeluarkan kepada pembawa-pembawa lori kerana bayaran tol untuk pembawa-pembawa lori sudah pun diturunkan dari \$2.50 kepada \$1 sahaja.

### LADANG-LADANG GETAH

13. Dr S. Seevaratnam minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan samada ladang-ladang getah di dalam negara ini dikelaskan sebagai "Kawasan Luar Bandar"; jika tidak, mengapa.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Tuan Yang di Pertua, segala kawasan yanguduknya di luar kawasan bandar adalah dikira kawasan luar bandar, tetapi estet-estet yang bersendirian walaupunuduknya di kawasan luar bandar tidak termasuk dalam Rancangan Pembangunan Luar Bandar.

### KAJIAN KEMUNGKINAN IKTISAD

14. Tuan Edmund Langgu anak Saga minta Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan apakah projek-projek pembangunan yang telah diusahakan untuk membuka kawasan-kawasan tanah yang luas terbentang di Ulu Kabo, Ulu Awik dan Ulu Krian, di Daerah Kalaka di Sarawak.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah (Tuan Mohamed bin Ujang): Tuan Yang di Pertua, Kerajaan Campuran Negeri Sarawak sekarang sedang menimbang untuk menjalankan satu kajian kemungkinan iktisad (economic feasibility survey study) bagi seluruh Bahagian Kedua (Second Division) bagi maksud pertanian yang mungkin termasuk kelapa sawit, padi dan ubi kayu.

### GURU-GURU MENGHADIRI KURSUS

15. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah beliau sedar bahawa dengan menghantar guru-guru menghadiri Kursus Dalam Perkhidmatan bagi Bahasa Malaysia selama tiga bulan di Kota Bharu, Kelantan telah menyebabkan banyak keluarga menjadi purak peranda setelah kursus itu tamat, jika sedar, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian beliau untuk mengelakkan sebarang kejadian yang tidak bertanggung itu berlaku di kalangan mereka yang berkelakuan tidak senonoh semasa menghadiri kursus-kursus tersebut.

Menteri Pelajaran (Datuk Hussein bin Datuk Onn): Tuan Yang di Pertua, saya tidak sedar.

### MAKMAL SAINS

16. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah beliau sedar bahawa bilik-bilik makmal sains

di sekolah-sekolah luar bandar tidak dilengkapi dengan alatan-alatan sains yang mencukupi dan ini menyebabkan keputusan matapelajaran Sains dalam Peperiksaan S.P.M. di Kelantan jatuh. Jika sedar, nyatakan bagaimana dan bila rancangan untuk melengkapi makmal-makmal itu akan dilaksanakan.

**Datuk Hussein bin Datuk Onn:** Tuan Yang di Pertua, saya sedar tentang kemerosotan keputusan dalam matapelajaran sains di sekolah-sekolah luar bandar di Kelantan. Tetapi samada benar ataupun tidak kemerosotan ini disebabkan oleh bilik-bilik makmal sains yang tidak dilengkapi dengan alatan-alatan sains yang mencukupi, belum dapat dipastikan.

Walaubagaimanapun saya akan menengokkan perkara ini.

**Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah:** Soalan tambahan. Adakah keputusan matapelajaran sains dalam peperiksaan S.P.M. jatuh di Kelantan itu disebabkan oleh guru-guru yang mengajar matapelajaran sains itu tidak berkelayakan?

**Datuk Hussein bin Datuk Onn:** Itu soalan lain, Tuan Yang di Pertua.

#### KERETAPI BAWAH TANAH (TUBE SYSTEM)

**17. Tuan Ng Hoe Hun** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perhubungan menyatakan samada Kerajaan akan menimbang bagi mengadakan "tube system" atau keretapi bawah tanah untuk Bandaraya Kuala Lumpur bagi mengelakkan kesesakan jalanraya yang kerap kali berlaku dan juga telah menjadi masalah di hari ini. Tiap-tiap buah bandaraya di Eropah ada mempunyai sistem yang demikian dan dengan berolehnya Perhentian Bas di Jalan Melaka dari tengah-tengah bandaraya, beribu-ribu orang, terutama sekali yang miskin merasa semakin sukar, kesulitan, kelambatan serta bertambahnya perbelanjaan. Tidakkah Menteri bersetuju bahawa tanpa satu keretapi bawah tanah, dalam masa 10 tahun dari sekarang kesesakan jalanraya di Kuala Lumpur akan bertambah buruk lagi.

**Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir):** Tuan Yang di Pertua, pakar-pakar Perunding yang sedang

melaksanakan kajian mengenai Rancangan dan Kemajuan Kawasan Lembah Kelang telah membuat perakuan-perakuan tertentu tentang jenis, bentuk umum dan bidang sistem-sistem atau kemudahan-kemudahan pengangkutan yang paling sesuai bagi menemui keperluan-keperluan memperbaiki jalan masuk dan pengedaran lalulintas dalam pusat Kuala Lumpur ini. Perakuan-perakuan ini berdasarkan kepada anggaran keperluan lalulintas dalam kawasan ini keseluruhannya dan berasaskan kajian yang seimbang mengenai anggaran jumlah penduduk-penduduk, aktiviti-aktiviti ekonomi dan kegunaan tanah di kawasan ini untuk masa hadapan.

Semenjak kajian ini bermula Kerajaan Malaysia telah memutuskan untuk melantik pakar-pakar perunding supaya menjalankan kajian Polisi Pengangkutan Bandaran bagi Bandaraya Kuala Lumpur. Pakar-pakar Perunding bagi Kajian Rancangan dan Kemajuan Kawasan Lembah Kelang telah mengemukakan beberapa cadangan yang sesuai untuk panduan di dalam kajian-kajian yang akan dibuat itu.

**Tuan Yang di Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan Lisan bagi Pertanyaan-pertanyaan No. 18 hingga 39 adalah diberi di bawah ini).*

#### KECICIRAN—LAPURAN KAJIAN

**18. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau akan mengemukakan satu laporan kajian Kementerian beliau mengenai sebab-sebab keciciran untuk pengetahuan Ahli-ahli Parlimen, Ibu-bapa dan rakyat jelata dan nyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah ini, dan jika tidak, mengapa.

**Menteri Pelajaran Datuk Hussein bin Datuk Onn:** Saya telah menjawab soalan ini pada 18hb yang lepas.

#### BELIA DARI KAMPUNG BARU— LATIHAN

**19. Tuan Chan Fu King** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan

rancangan beliau untuk mengambil belia-belua dari Kampung-kampung Baru supaya dapat mengambil bahagian dalam rancangan-rancangan belia seperti Dusun Tua; jika tidak, mengapa.

**Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan (Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah):** Rancangan latihan kemahiran dan disiplin di Pusat Latihan Belia, Dusun Tua yang dikendalikan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan adalah terbuka kepada semua gulungan belia termasuk juga belia-belua dari Kampung-kampung Baru.

#### MAKANAN BABI (PIG-FOOD)— KENAIKAN HARGA

**20. Tuan Chan Fu King** minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan samada beliau sedar tentang nasib penternak-penternak babi di dalam negara ini akibat kenaikan harga makanan babi (pig-food) di dalam negara kita dan harga babi yang murah di pasaran; jika ya,

- (i) samada Kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk membetulkan keadaan ini;
- (ii) samada Kementerian beliau bercadang membantu penternak-penternak babi ini supaya mereka dapat balik wang kerugian mereka; dan
- (iii) apakah langkah-langkah yang Kementerian telah ambil untuk mengurangkan harga makanan babi (pig-food) di dalam negara kita.

**Menteri Pertanian dan Perikanan (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi):** Pihak Kerajaan sedar tentang kesulitan yang sedang dihadapi oleh penternak-penternak disebabkan oleh kenaikan harga makanan ternakan. Kenaikan harga-harga ini disebabkan oleh kekurangan pengeluaran bahan-bahan makanan ternakan di seluruh dunia, dan oleh yang demikian, kenaikan harga makanan ternakan tidak dapat dielakkan.

- (i) Kementerian saya telah mengadakan beberapa perundingan dengan pihak penternak-penternak, wakil-wakil kilang memproses makanan ternakan dan Jabatan-jabatan Kerajaan untuk mencari jalan bagi mengatasi kesulitan ini. Tetapi oleh kerana harga makanan ternakan dipengaruhi oleh kekurangan

pengeluaran yang pada keseluruhannya di luar kawalan negeri tiada langkah-langkah yang berkesan boleh diambil bagi mengatasi kenaikan harga seperti yang berlaku. Adalah difikirkan harga-harga makanan ternakan akan turun apabila kedudukan pengeluaran bahan-bahan makanan ternakan bertambah kelak.

- (ii) Kementerian saya tak ada rancangan untuk mengeluarkan apa-apa bantuan bagi menutup kerugian penternak-penternak babi yang terlibat itu.
- (iii) Saya tak dapat membuat apa-apa untuk menurunkan harga makanan ternakan sekarang ini. Bagi jangka panjang Kementerian saya menggalakan pengeluaran bahan-bahan utama bagi makanan ternakan di negeri ini sendiri dan Kementerian ini jua sedang menimbang bagi menjayakan rancangan ini.

#### BUKU-BUKU TEKS—KENAIKAN HARGA DI SABAH

**21. Tuan J. Stephen Tibok** minta Menteri Pelajaran menyatakan kenapa buku-buku teks naik harganya di Sabah dan samada beliau akan menyiasat terhadap perkara ini untuk menahan naiknya belanja pelajaran.

**Datuk Hussein bin Datuk Onn:** Saya tidak sedar mengenai perkara ini dan akan meminta Pengarah Pelajaran Sabah, menyiasatnya dan mengemukakan laporan kepada saya.

#### BAHASA TAMIL DAN CINA DI TALIVISYEN MALAYSIA

**22. Dr S. Seevaratnam** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kementerian beliau akan menimbang mengadakan pelajaran-pelajaran dalam Bahasa Tamil dan Cina melalui TV Malaysia untuk kepentingan murid-murid sekolah rendah Tamil dan Cina; jika tidak, mengapa? Jika ya, berikan butir-butir lanjut mengenai pelaksanaan rancangan ini.

**Datuk Hussein bin Datuk Onn:** Tidak, kerana kemudahan-kemudahan, termasuk waktu siaran adalah terbatas. Dalam keadaan

begini Kementerian Pelajaran hanya dapat menyiarkan pelajaran ETV ini di dalam beberapa matapelajaran bagi sekolah-sekolah rendah dengan menggunakan Bahasa Malaysia, iaitu bahasa yang boleh difahami oleh semua kanak-kanak.

### PUSAT LATIHAN PELADANG SARAWAK

**23. Tuan Edwin anak Tangkun** minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk membantu Pusat-pusat Latihan Peladang-peladang Muda Dayak di Sarawak untuk berdikari.

**Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Berbagai-bagai dorongan ditawarkan kepada peladang-peladang muda yang telah diberi latihan di Pusat-pusat Latihan Peladang di merata-merata Negeri Sarawak untuk mengambil pekerjaan pertanian. Tiap-tiap peserta latihan diberi sebilangan alat-alat berladang dan benih-benih tanaman ataupun anak-anak ayam setelah tamat latihan sebagai bantuan kepadanya memulakan perusahaannya berladang. Sebagai memberi perkhidmatan lanjutan kakitangan daripada Pusat-pusat Latihan Peladang dan pegawai-pegawai daripada Pejabat Pertanian Negeri Sarawak membuat lawatan ke tempat-tempat bekas peserta-peserta latihan itu berkebudun untuk memberi bimbingan dan nasihat untuk memperbaiki rancangan dan pengurusan ladangnya.

Bekas-bekas pelatih juga berkelayakan untuk memohon pinjaman sehingga sebanyak \$500 daripada Sekim Keredit Belia yang dianjurkan oleh Jabatan Pertanian Negeri Sarawak untuk tujuan membeli apa-apa bahan-bahan pengeluaran pertanian "input" ladang yang diperlukan bagi rancangan ladangnya. Keutamaan juga diberi kepada belia-belia yang telah mengikut kursus-kursus di Pusat Latihan Peladang untuk menyertai mana-mana rancangan bantuan pertanian yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri.

### BADAN PENASIHAT EKONOMI MELAYU-CINA

**24. Tuan Haji Shafie bin Haji Abdullah** bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian adakah "Badan Penasihat

Bersama Ekonomi Melayu-Cina" yang ditubuh di bawah tajaan bersama Dewan Perniagaan Cina Bersatu dan Gabungan Dewan Perniagaan Melayu itu masih wujud dan setakat hari ini apakah perkhidmatan-perkhidmatan yang dibuat atau diberi oleh badan ini untuk meneguhkan ekonomi Melayu yang menjadi punca tidak seimbang-nya kedudukan ekonomi negara ini.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tun Dr Ismail Al-Haj):** Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, Badan Penasihat Ekonomi Melayu-Cina yang telah ditubuhkan pada pertengahan tahun 1969 di atas daya-usaha Gabungan Dewan-dewan Perniagaan Cina dan Gabungan Dewan-dewan Perniagaan Melayu telahpun dibubarkan oleh mereka sendiri pada akhir tahun 1971. Semasa Badan Penasihat ini masih ujud, badan ini telah memberi pertolongan dan nasihat-nasihat kepada peniaga-peniaga kecil Bumiputra untuk mengatasi masalah yang dialami oleh mereka.

### MINYAK KELAPA SAWIT

**25. Tuan Richard Ho Ung Hun** bertanya kepada Menteri Kesihatan adakah beliau sedar bahawa menurut punca-punca yang mengetahui pada tahun 1975 lebih kurang 1.3 juta ekar tanah di Malaysia akan ditanam dengan kelapa sawit dan pengeluaran bahan-bahan yang tidak berharga dari kawasan tanah yang seluas itu dikira menurut istilah "BOD" (Biological Oxygen Demand) adalah dianggarkan sama banyak dengan bahan-bahan bakar yang dikeluarkan oleh 11.8 juta orang—atau dengan lain-lain perkataan, lebih bahan-bahan bakar yang dapat dikeluarkan oleh seluruh penduduk Malaysia pada masa ini, dan jika begitu apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengelakkan pengotoran air yang disebabkan oleh perjalanan prosesing kelapa sawit yang bertambah-tambah besar jumlahnya itu.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew):** Kementerian Kesihatan memang sedar akan masaalah pengeluaran minyak kelapa sawit di negara dan yang mana boleh meringkikan "Biological Oxygen Demand" atau B.O.D. Ahli Yang Berhormat barangkali tidak sedar akan adanya undang-undang Pencemaran Air (Water Pollution Legislation) yang mana telah dibuat di atas inisiatif

Kementerian saya pada masa ini berkuasa dalam negeri-negeri di Malaysia Barat, untuk mengawal pengotoran seperti itu. Suka juga saya sebutkan di sini bahawa Kementerian saya telahpun menetapkan syarat-syarat yang berkaitan dengan proses penanaman kelapa sawit dan syarat-syarat ini ditujukan kepada gudang-gudang kelapa sawit apabila dirujuk-kan ke Kementerian Kesihatan.

### UNDANG-UNDANG ISLAM SEBAGAI UNDANG-UNDANG IBU

26. **Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh** minta Peguam Negara menyatakan samada Kerajaan bercadang hendak menjadikan Undang-undang Islam sebagai Undang-undang Ibu atau sebagai suatu rujukan bagi semua undang-undang yang hendak digubalkan atau bagi undang-undang yang ada di negara ini sebagai menggantikan Undang-undang British memandangkan bahawa Undang-undang Islam pada suatu masa dahulu pada tahun 1927 pernah disebutkan oleh Hakim-hakim British sebagai undang-undang asas bagi Negeri-negeri Tanah Melayu semasa zaman penjajahan dan lebih-lebih lagi apabila telah disebutkan di dalam Perlembagaan kita bahawa Islam ialah agama rasmi di negeri ini.

**Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof):** Sungguhpun Fasal (1) Perkara 3 dalam Perlembagaan menetapkan Islam sebagai agama bagi Persekutuan, tetapi Fasal (4) dalam perkara yang sama memperuntukkan bahawa perkara itu tidak mengurangkan kuasa mana-mana peruntukan lain dalam Perlembagaan. Oleh itu, kuasa-kuasa perundangan di bawah Perlembagaan berkenaan dengan berbagai-bagai perkara yang dinyatakan dalam senarai perundangan kepada Perlembagaan tidak boleh dijadikan tertakluk kepada undang-undang agama.

Sayugia diingati bahawa Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu (sekarang ini Malaysia) telah digubal terutama sekali untuk mematuhi kehendak-kehendak Raja-raja dan juga rayuan-rayuan bilangan besar dari orang-orang Malaysia, yang terdiri daripada berbagai kaum, dan mempunyai bahasa, adat resam dan agama yang berlainan.

Oleh itu, walaupun Islam adalah agama rasmi, undang-undang Persekutuan adalah kesemuanya tidak bersabit dengan agama atau secular laws.

### KILANG PELURU

27. **Tuan Haji Shafie bin Haji Abdullah** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bilangan kilang-kilang peluru yang telah dibina dalam negara ini hingga sekarang.

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Sehingga hari ini Kerajaan telah memberikan kelulusan hanya kepada sebuah syarikat kilang peluru. Syarikat tersebut ialah Syarikat Malaysia Explosives Sdn. Berhad yang mana merupakan sebagai usaha bersama di antara pihak Kerajaan, Lembaga Urusan Tabung Haji dan Syarikat Permodalan Kebangsaan Berhad sebagai pekongsi tempatan dan dua buah syarikat asing, Syarikat Oerlikon Machine Tool Works Burhle & Co. Switzerland and Dynamite Nobel A. G. Germany. Kelulusan Taraf Perintis telah diberikan kepada syarikat tersebut pada bulan Disember, 1967.

Dalam pada itu Kerajaan juga ada memberikan kelulusan kepada Mohd. Jan Arms Agency Sdn. Berhad untuk mengisi kembali bekas-bekas peluru yang telah digunakan (refilling of cartridges) pada 19hb Januari, 1973. Syarikat ini masih belum lagi memulakan pengeluarannya.

### BANJIR—SISTEM TALIAIR BARU

28. **Tuan Hor Cheok Foon** minta Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan menyatakan samada Bandaraya Kuala Lumpur akan mempunyai satu sistem taliair yang baru untuk mengatasi kejadian banjir yang kerap kali berlaku di Bandaraya ini, dan jika ya, bilakah sistem ini akan dilaksanakan.

**Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Ong Kee Hui):** Kebolehan Sungai Kelang dan Gombak untuk menampung air yang banyak telah menjadi berkurangan, berikutan dengan berlakunya proses penimbusan yang terlalu kerap. Akibat daripada proses-proses yang seumpama ini, kedua-dua sungai tersebut tidak dapat menampung jumlah air yang banyak semasa banjir berlaku yang berpunca dari hujan lebat. Kerja-kerja sedang dijalankan segera untuk melebar dan meluruskan kedua buah sungai ini. Kerja-kerja yang sedang dijalankan itu ialah:

- (a) memperbaiki Sungai Kelang dari Batu 3, Jembatan Keretapi hingga ke Batu 5 $\frac{1}{2}$ , Jembatan Petaling.

- (b) memperbaiki bahagian sebelah ulu Jembatan Jalan Pekeliling ke Datuk Keramat hingga ke Sungai Ampang.
- (c) memperbaiki Sungai Gombak dari Jalan Pekeliling mengalir ke Pasar Borong, Jalan Maxwell. Kerja ini telah terganggu kerana adanya rumah-rumah setinggan di kawasan itu.

Kerajaan juga sedang mengkaji soal memperbaiki sistem aliran sungai di Kuala Lumpur secara keseluruhannya. Sementara itu Dewan Bandaraya sedang menjalankan beberapa projek memperbaiki saluran air selaras dengan pembangunan Bandaraya ini sendiri.

### PEPERIKSAAN SPM/STP

**29. Tuan Su Liang Yu** minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah bilangan murid-murid mengikut bangsa, yang mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia atau Sijil Tinggi Persekolahan dalam tahun 1970, 1971 dan 1972 dan bilangan daripada mereka yang telah lulus.

**Datuk Hussein bin Datuk Onn:** Bilangan murid-murid yang mengambil peperiksaan SPM/MCE dan STP/HSC dan juga bilangan yang lulus dalam tahun-tahun 1970, 1971 dan 1972 adalah seperti berikut:

(i) *Peperiksaan SPM (Sekolah-sekolah Bantuan Penuh)*

Tahun	Bil. Mengambil	Bil. Lulus	
		Jumlah	%
1970 ... ..	17,831	9,960	55.9
1971 ... ..	16,713	9,443	56.5
1972 ... ..	16,809	9,236	54.9

(ii) *Peperiksaan MCE (Sekolah-sekolah Bantuan Penuh)*

Tahun	Bil. Mengambil			Bil. Lulus					
	Melayu	Bukan Melayu	Jumlah	Melayu	%	Bukan Melayu	%	Jumlah	%
1970 .. ..	6,502	24,058	30,560	4,580	70.4%	12,443	51.7%	17,023	55.3%
1971 .. ..	6,912	23,248	30,160	4,986	72.1%	13,203	56.8%	18,189	60.3%
1972 .. ..	9,342	27,784	37,126	6,751	72.3%	9,314	33.5%	16,065	43.3%

(iii) *Sijil Tinggi Persekolahan*

(Pengantar Bahasa Malaysia Sekolah-sekolah Bantuan Penuh)

Tahun	Bil. Mengambil	Sijil Penuh		Bil. Mendapat Kenyataan	Bil. Kandas
		Jumlah	%		
1970 .. ..	793	95	12.0	688	10
1971 .. ..	1,029	215	20.9	787	27
1972 .. ..	1,363	635	46.6	698	30

(iv) *Sijil Tinggi Persekolahan*

(Pengantar Bahasa Inggeris Sekolah-sekolah Bantuan Penuh)

Tahun	Melayu				Bukan Melayu					
	Bil. Mengambil	Sijil Penuh Jumlah	%	Bil. Mendapat Kenyataan	Bil. Kandas	Bil. Mengambil	Sijil Penuh Jumlah	%	Bil. Mendapat Kenyataan	Bil. Kandas
1970 ..	705	344	48.8	359	2	2,974	1,961	65.9	980	33
1971 ..	1,149	494	43.0	634	31	3,065	2,208	72.0	853	4
1972 ..	1,183	332	28.1	821	30	3,520	2,399	68.2	1,099	22

### TALIVISYEN—KENYATAAN MENTERI

**30. Dr A. Soorian** minta Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan menyatakan memandangkan kenyataan beliau yang baru-baru ini di Dewan Negara yang Talivisyen adalah untuk menyampaikan daayah-daayah Kerajaan serta polisi-polisi-nya dan bukan untuk tujuan hiburan:

- (a) adakah Kerajaan akan membatalkan lesen tahunan Talivisyen sebanyak \$24 bagi pengguna-pengguna Talivisyen;
- (b) adakah Kerajaan akan mengambil alih penjualan Talivisyen dan memberikannya kepada rakyat dengan harga yang biasa tanpa cukai; dan
- (c) adakah kenyataan Menteri berkenaan menandakan tamatnya acara-acara hiburan seperti arena sukan, keputusan lumba kuda, juara kugiran dan lain-lain lagi.

**Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan (Tan Sri Mahammad Ghazali bin Shafie):** Sebagaimana yang telah saya jelaskan di dalam Dewan Negara pada 16-2-73 dahulu Dasar Kementerian Penerangan mengenai TV ialah menganggapnya bukan semata-mata sebagai alat hiburan tetapi sebagai alat untuk menyebarkan pengetahuan dan memesatkan penerangan mengenai kemajuan dan pembangunan negara. Rancangan-rancangan hiburan akan terus disiarkan melalui radio dan TV tetapi hanya sebagai gula-sira (sugar coating) sahaja.

Oleh yang demikian, kepada soalan (a) jawabnya ialah tidak, dan begitu juga kepada soalan (b) jawabnya tidak juga.

Berkenaan soalan (c) siaran-siaran begini-lah yang saya maksudkan sebagai gula-sira. Sementara itu saya telahpun mengeluarkan arahan bahawa pengumuman keputusan lumba kuda tidak lagi disiarkan melalui radio dan TV.

### TOPI KELEDAR MENGEQUALIKAN HAJI

**31. Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh** minta Menteri Perhubungan menyatakan samada Kerajaan bercadang hendak menimbang semula undang-undang mewajibkan kegunaan topi-topi keledar untuk mengecualikan haji-haji daripada memakai topi-topi

keledar apabila menunggang motosikal dan sekuter memandangkan kesusahan yang akan dialami oleh mereka apabila undang-undang ini dikuatkuasakan kelak.

**Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir):** Perkara ini sedang saya kaji dengan teliti.

### SEKOLAH MENENGAH ALIRAN SAINS BERASRAMA PENUH

**32. Tuan Abu Bakar bin Umar** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) bilangan sekolah-sekolah menengah aliran sains berasrama penuh yang telah dibina dan dibuka hingga sekarang; dan
- (b) bilakah sepuluh buah sekolah dari jenis ini yang dijadualkan dibina dalam masa Rancangan Malaysia Kedua akan siap.

**Datuk Hussein bin Datuk Onn:**

- (a) 8 buah.
- (b) Jadual siapnya pembinaan Sekolah-sekolah Menengah Sains sebagaimana diberikan oleh pihak J.K.R. adalah dianggarkan seperti berikut:

<i>Sekolah</i>	<i>Tarikh siap dibina</i>
1. SMS Kluang ... ..	21-12-1973
2. SMS Cheras ... ..	18-5-1973
3. SMS Kuantan ... ..	4-6-1973
4. SMS Kelantan ... ..	18-5-1973
5. SMS Perlis ... ..	18-5-1973
6. SMS Trengganu ... ..	14-12-1973
7. SMS Sg. Petani ... ..	11-7-1973
8. SMS Bukit Mertajam ... ..	16-12-1973
9. SMS Kuala Pilah ... ..	16-12-1973
10. SMS Melaka—Belum dapat dianggarkan kerana tender untuk mendirikan bangunan belum lagi dipilih.	

### PEPERIKSAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA—PENYIASATAN

**33. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau akan mengadakan penyiasatan untuk mengetahui

sebab-sebab kadar kelulusan yang mendukacitakan dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia tahun lalu dalam matapelajaran Sains dan Ilmu Hisab, dan apakah langkah-langkah tegas yang diambil bagi menjamin supaya pelajar-pelajar boleh belajar pelajaran ini dengan berkesan.

**Datuk Hussein bin Datuk Onn:** Saya akan menjawab soalan ini ketika menggulung perbahasan mengenai Titah Ucapan di Raja.

**PEPERIKSAAN M.C.E./S.P.M.—  
KEPUTUSAN**

**34. Tuan Lim Cho Hock** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) berkenaan dengan keputusan M.C.E. dan S.P.M. yang telah diumumkan pada bulan Mac 1973, samada Kementerian berkenaan boleh memberi satu keterangan yang lanjut bagaimana mata-mata pelajaran itu telah diperiksa dan oleh siapa;
- (b) mengapa setengah-setengah sekolah telah mendapat kelulusan 100% manakala sekolah-sekolah lain pula telah mendapat kurang daripada 25% kelulusan;
- (c) samada kelas-kelas S.T.P. (H.S.C.) untuk menerima masuk semua pelajar-pelajar yang telah mendapat Pangkat Satu dalam peperiksaan S.P.M. dan M.C.E. mencukupi, dan jika tidak, mengapa;
- (d) berapa ramaikah pelajar-pelajar M.C.E. patut lulus jika mereka tidak gagal dalam kertas Bahasa Malaysia;
- (e) samada Kerajaan bercadang hendak menubuhkan satu Suruhanjaya Siasatan untuk mencari sebab-sebab mengapa begitu ramai bilangan pelajar-pelajar gagal mendapat sijil M.C.E.; dan
- (f) samada Kerajaan sedar bahawa beratus ribu orang tidak puashati tentang sistem pemeriksaan M.C.E.

**Datuk Hussein bin Datuk Onn:**

- (a) Segala kertas-kertas jawapan bagi Peperiksaan M.C.E./S.P.M. bagi tahun 1973 telah diperiksa oleh pemeriksa-pemeriksa yang dilantik oleh Lembaga

Peperiksaan Tempatan Universiti Cambridge, United Kingdom mengikut sekim pemberian markah yang ditetapkan oleh Lembaga itu.

- (b) Soalan ini terlalu umum untuk dijawab. Walaubagaimanapun mereka yang tidak lulus itu adalah mereka yang tidak memenuhi syarat-syarat peperiksaan.
- (c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemilihan untuk masuk ke Tingkatan VI rendah tidak diasaskan semata-mata kepada pangkat sijil yang telah dicapai tetapi juga kelulusan yang diperolehi dalam 3 matapelajaran yang berkenaan bagi kursus-kursus tertentu.
- (d) 30,396.
- (e) Bagi makluman Ahli Yang Berhormat saya akan memberi jawapan tatkala menggulung perbahasan mengenai Titah di Raja.
- (f) Saya tidak sedar tentang adanya perasaan tidak puashati terhadap sistem pemeriksaan M.C.E. Walaupun demikian saya sedar tentang adanya perasaan tidak puashati terhadap keputusan-keputusan peperiksaan tersebut.

**PEPERIKSAAN S.P.M.—  
KEMEROSOTAN KEPUTUSAN**

**35. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian yang berkenaan sedar bahawa kemerosotan keputusan Peperiksaan S.P.M. selain dari faktor suasana di sekeliling adalah juga disebabkan kekurangan guru-guru terlatih di sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan dan juga oleh kerana bilangan penuntut-penuntut di tiap-tiap darjah terlampau ramai (beberapa darjah Tingkatan Lima di Kelantan bilangan penuntut-penuntut mencapai angka 50, yang lain-lain lebih dari 40). Nyatakan adakah Kerajaan bercadang mengkaji dan menetapkan bilangan penuntut sekolah menengah kepada jumlah yang lebih sesuai.

**Datuk Hussein bin Datuk Onn:** Masalah bilangan penuntut-penuntut di dalam sesebuah darjah ini telahpun disentuh oleh

Suruhanjaya Aziz dan Suruhanjaya ini telahpun membuat perakuan-perakuan. Perakuan-perakuan tersebut sedang dikaji dari berbagai-bagai segi, termasuklah dari segi kewangan dan tenaga pengajar.

#### LAWATAN T.P.M. KE AUSTRALIA— HASIL

**36. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** minta Timbalan Perdana Menteri menyatakan apakah kejayaan yang telah dicapai hasil lawatan beliau ke Australia baru-baru ini.

**Timbalan Perdana Menteri (Tun Dr Ismail Al-Haj):** Semasa lawatan saya ke Australia dan New Zealand, saya dapat berbincang dan bertukar-tukar fikiran berhubung dengan perkara-perkara yang bersangkutan dengan hubungan kita dengan kedua-dua negara. Juga saya telah dapat menjemput tokoh-tokoh industrialis, bankers dan penanam-penanam modal untuk menanam modal di Malaysia.

#### LAWATAN T.P.M. KE AUSTRALIA— PERBELANJAAN

**37. Tuan Loh Jee Mee** minta Timbalan Perdana Menteri menyatakan tujuan utama beliau mengadakan lawatan yang berpanjangan ke Australia dan jumlah wang yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan kita ke atas lawatan ini.

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Lawatan saya ke Australia adalah dengan jemputan Kerajaan Australia dan jumlah perbelanjaan untuk lawatan tersebut adalah M\$35,000.

#### TAHANAN POLITIK

**38. Tuan Fan Yew Teng** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah bilangan tahanan-tahanan politik di negara ini pada 31hb Mac, 1973, dengan memberi butir-butir mengenai bilangan tahanan-tahanan di tiap-tiap kem tahanan, bilangan tahanan-tahanan yang ditahan lebih daripada sepuluh tahun, yang ditahan lebih daripada lima tahun dan yang ditahan lebih daripada dua tahun.

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Tidak ada orang-orang tahanan politik atau "political detainees" di negeri ini. Oleh itu tidaklah

dapat saya memberikan butir-butir yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat itu.

#### PERTUBUHAN SUBVERSIF MENENTANG DASAR KERAJAAN

**39. Raja Nong Chik bin Raja Ishak** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada benar bahawa terdapat sebuah pertubuhan yang beribu-pejabat di luar negeri yang bertanggungjawab merebakkan gejala-gejala subversif memburuk-burukkan dasar Kerajaan sekarang sepertimana yang terkandung di dalam kenyataan yang dibuat oleh Menteri Besar Selangor di Petaling Jaya baru-baru ini, dan jika ya, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan terhadap mereka yang terlibat.

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Memang benar bahawa ada sebuah pertubuhan di dalam negeri ini yang telah menjalankan kegiatan-kegiatan siasah dengan tujuan menentang dasar-dasar serta rancangan-rancangan Kerajaan dalam usaha pembinaan masyarakat. Pertubuhan tersebut ialah sebuah pertubuhan tempatan yang dikendalikan oleh warganegara-warganegara asing. Kementerian ini telahpun mengambil tindakan terhadap mereka-mereka yang terlibat itu dengan menamatkan Pas-pas Kerja mereka dan mereka telahpun meninggalkan negeri ini.

#### USUL

##### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Tuan Musa Hitam:** Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 7.30 malam.

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 7.30 malam.

## RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

### RANG UNDANG-UNDANG PEJABAT POS (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Ordinan Pejabat Pos tahun 1947; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Perhubungan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

### USUL

#### UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak seperti-nya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patek, Yang di Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan terima kasih kepada Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Ketiga.” (23hb April, 1973)

*Perbahasan disambung semula.*

**Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah (Kota Star Selatan):** Tuan Yang di Pertua, menyambung ucapan saya maka tidaklah hairan kita sekiranya anak-anak bumiputra merosot benar di bidang pengajian sains dan ilmu hisab kerana mereka itu tidak diberi asas yang teguh di dalam mendidik kecenderongan kepada dua matapelajaran yang terpenting itu. Guru-guru sains tidak mencukupi malah di setengah-setengah sekolah tidak ada dan jangan disebut lagi berkenaan makmal-makmal atau alat-alat pengajaran

sains ataupun hisab. Maka inilah yang patut dipertimbangkan dan dikaji secara serious oleh Kementerian Pelajaran.

Tuan Yang di Pertua, mungkin Kerajaan di dalam jawapannya kelak memberitahu kepada kita bahawa ada usaha-usaha ke arah itu sedang dibuat, sedang diatur, sedang direncanakan.

Kami akan terima jawapan itu dan suka-lah kami mengambil peluang ini memper-ingatkan sekali lagi kepada Kementerian yang berkenaan bahawa di dalam mem-bentuk angkatan teknologis dan saintis itu janganlah hendaknya lupa—sekali lagi saya katakan jangan lupa—menyertaikan pendidi-kan Tauhid, pendidikan beragama—ber-ugama apa pun—supaya angkatan itu tidak akan tergulung kelak menjadi manusia-manusia yang mendewakan sains dan teknologi semata-mata, sehingga tipis sekali kepercayaan mereka kepada Tuhan yang sebenar-benarnya yang meletakkan rahsia-rahsia dan hikmat-hikmat yang dimenafaat-kan oleh ilmu sains dan teknologi. Kita telah diberitahu bahawa ada pusat-pusat pengajian tinggi yang langsung tidak mengambil berat di dalam pendidikan beragama, kita telah diberi tahu bahawa ada murid-murid Islam di dalam Tingkatan IV dan Tingkatan V aliran sains di beberapa buah sekolah menengah yang terkemuka, kerap kali ketinggalan belajar ugama kerana secara kebetulan atau sebagai satu sabotaj, jadual waktu belajar ugama itu ditepatkan dengan jadual waktu mata pelajaran yang dianggap penting di dalam pengajian sains dan hisab. Ini pun satu perkara yang kurang menye-nangkan kita. Maka wajar sekali Kement-erian Pelajaran mengkaji dengan men-dalamnya dasar-dasar pelajaran yang ada sekarang ini supaya dasar baharu yang di-buat, dasar yang bakal dilaksanakan itu benar-benar dapat mendidik lalu membentuk masyarakat kita kepada arah masyarakat Bertuhan rukun utama daripada Rukunegara kita. Maka saya menyeru Kementerian supaya segala badan atau apa pun yang bertugas sebagai penasihat pengajian, baik pun yang rendah mahu pun yang menengah apatah lagi pengajian tinggi disusun semula, jika sudah ada serta wajiblah anggota-anggota dari golongan ugama duduk di dalamnya memandu, membimbing badan-badan itu ke arah yang dikehendaki.

Tuan Yang di Pertua, berhubung dengan kelas-kelas kemajuan masyarakat (Kemas), sudahkah dia berkemas di dalam pengemasannya menghadapi persoalan baharu yang timbul sesudah wujudnya Front Nasional iaitu Kerajaan Campuran PAS/Perikatan yang ada ini? Apakah sudah ada usaha-usaha dan langkah-langkah memperkemas dasarnya supaya benar-benar bermenafaat kepada keseluruhan masyarakat kampung lalu tidak sesialah wang rakyat diperbelanjakan tidak kerana untuk kepentingan segelintir manusia sahaja?

Angkatan Belia Pelupur Negara, sudahkah dikaji semula dasar-dasarnya dan cara-cara pengambilan belia ke dalamnya? Benar-benarkah ia menjadi tempat perlatihan bagi belia-belia dari semua gulungan tanpa pilih-kasih lagi, tanpa perhetongan fahaman-fahaman politik dan seumpamanya? Janganlah hendaknya latihan jasmani dan vocational sahaja yang diutamakan atau dititik-beratkan kerana ini sahaja tidak akan menghasilkan warganegara yang berdisiplin kalau rohaniah (spiritual) mereka kosong (vacuum) tidak diisikan dengan jiwa beragama. Asuhlah mereka supaya menjadi belia-belia beragama dan ini, Tuan Yang di Pertua, akan lebih menjamin ketenteraman di dalam kehidupan yang akan mereka hadapi kelak.

Menyentuh sedikit peranan UDA di dalam pembentukan masyarakat dagang, masyarakat industri bumiputra, bilakah lagi UDA ini hendak mengembangkan usaha-usahanya keluar dari bandaraya Kuala Lumpur ini? Ke bandar-bandar lain di utara Tanah Melayu seperti di Ipoh, Alor Star, Pulau Pinang dan lain-lain lagi. Maka dengan demikian menyeluruhlah usaha-usahanya kepada masyarakat bumiputra.

Di Pulau Pinang umpamanya banyak tanah-tanah wakaf Islam di dalam bandaraya dan sekelilingnya. Ia benar itu adalah di dalam jagaan Majlis Ugama, kita akui. Tetapi kalau UDA yang begitu hebat dapat menjulang langit dengan bangunan-bangunan pencakar langitnya di Kuala Lumpur ini bekerjasama dengan Majlis Ugama atau pihak-pihak yang berkenaan di sana. UDA dengan potensi-potensi yang sedia ada padanya bekerjasama mengusahakan pembinaan kompleks-komplek perumahan, pusat-pusat membeli belah atau sebagainya lalu dimenafaatkan tanah-tanah itu sebaik-baiknya

demi kepentingan orang-orang Islam dan bukan untuk kepentingan beberapa orang sahaja, tentulah usaha itu akan membantu dan menggalakkan orang-orang Islam khususnya bumiputra ke arah pembentukan masyarakat niaga dan masyarakat industri.

Tuan Yang di Pertua, akhirnya bukan kurang pentingnya; Kerajaan kita jika benar-benar jujur, jika benar-benar (sincere) di dalam niatnya hendak membentuk masyarakat adil, hendak membentuk masyarakat harmonis, masyarakat progressive dalam artikata sebenarnya dan masyarakat bertuhan, Kerajaan tentu sekali tidak akan membiarkan terlepas satu-satu usaha yang jitu ke arah demikian itu dan saya percaya sesiapa pun di dalam Dewan yang mulia ini tidak akan menafikan fakta ini.

Kita telah merdeka, Tuan Yang di Pertua, segala kesan-kesan pengaruh penjajahan yang tidak lagi sesuai dan tidak lagi berfaedah kepada kita sepatutnya sudah lama kita hapuskan. Akan tetapi, sungguh dikesalkan masih berselaput lagi saki-bakinya di dalam bidang cara kita berfikir, di dalam bidang cara kita hidup dan kehidupan kita lebih-lebih lagi di dalam bidang perundangan kita.

Mendengarkan seruan-seruan pemimpin negara di mana-mana ada kesempatan, di majlis-majlis pembukaan rasmi dan sebagainya sangatlah menyenangkan hati. Seruan-seruan supaya kita semua hidup beragama, sejok hati mendengarnya, Tuan Yang di Pertua. Saolah-olah sudah timbul satu keinsafan, satu kesedaran betapa pentingnya beragama di dalam usaha membangun, agar pembangunan yang sedang pesat ini menelurkan hasil-hasil baik yang diidam-idamkan. Akan tetapi, kenapa kita tidak mahu dari sekarang ini memulakan langkah menggubal undang-undang negara bersumberkan dari agama Allah? Kenapa? Pada hal Perlembagaan kita mengakui bahawa Islam itulah agama negara dan pemimpin-pemimpin negara sentiasa mengajak, sentiasa menyeru semua kita supaya menjadi masyarakat yang bertuhan. Saya percaya kebanyakan yang berada di dalam Dewan yang mulia ini berkeyakinan bahawa undang-undang Allah itu adalah peraturan-peraturan untuk membentuk masyarakat sejahtera, masyarakat adil lagi bahagia, bersalahanlah undang-undang duniawi (secular) ciptaan manusia baik pun dari blok Barat mahupun daripada blok

Timur adalah digubal oleh masyarakat, boleh bertukar ganti, alih pinda dan sebagainya mengikut hawa nafsu pemimpin-pemimpinnya.

Yang menggelikan hati kita, Tuan Yang di Pertua, banyak daripada peraturan-peraturan dan undang-undang yang asalnya made in United Kingdom yang telah dipakai di sini, tetapi di sana, di negeri asalnya sudah berubah dan sudah dipinda, yang kita di Malaysia ini duduk di takuk lama juga. Ganjil, Tuan Yang di Pertua, dan geli hati kita melihatnya. Jadi yakinlah kita dan kepada mereka yang ragu, saya yakinkan bahawa undang-undang ciptaan manusia adalah dibuat oleh masyarakatnya, tetapi undang-undang Tuhan dikanunkan untuk membentuk masyarakat sejahtera. Maka sudah wajarlah Kerajaan kita berusaha dengan segala kesungguhan menjadikan undang-undang Allah itu sumber kepada penggubalan undang-undang negara kita ini, dan langkah pertamanya mestilah kita hapuskan Ordinan Undang-undang Civil, 1937. Kerana Ordinan inilah yang memberi kuasa kepada pengaruh undang-undang Inggeris yang bercokol di negara kita ini sehingga ada kalanya menjadi kehilangan atau diketepikan undang-undang Islam yang pada mulanya sebelum penjajahan adalah menjadi asas perundangan di Malaysia Barat ini. Apabila terhapus kelak Civil Law Ordinance, 1937 ini, maka ini akan membuka pintu bagi perundangan Islam berjalan semula di negara kita.

Tuan Yang di Pertua, saya kurang mahu menerima hujjah atau argument yang selalu dikemukakan oleh Kerajaan yang mengatakan bahawa negara kita ini terdiri dari rakyat yang berbagai keturunan kaum dan berlainan agama, maka sukarlah hendak menjalankan undang-undang yang bersumberkan kaedah-kaedah Islamiyah. Harus kerana salah faham berkenaan perundangan Islam yang bercawang, bercabang kepada beberapa bahagian dan satu daripadanya ialah yang berhubung ibadat (ritual), dan satu yang berhubung dengan kekeluargaan, umpamanya nikah kahwin, pembahagian pesaka dan sebagainya, lalu di bahagian inilah dijadikan hujjah-hujjah serta dilaungkan "no compulsion in religion", kata mereka—tidak ada paksaan dalam agama. Kemudian diperbesar-besarkan pula masaalah potong tangan kerana kesalahan mencuri, rejam hingga mati

kerana berzina, kisas atau capital punishment kerana pembunuhan dan sebagainya. Seolah-olah itu sahajalah undang-undang Islam, tidak ada lain daripada itu, tanpa mengkaji dengan mendalam kerusakan yang timbul daripada kesalahan-kesalahan itu kepada masyarakat. Jadi diperhebohkanlah tentang tidak wajarnya hukuman-hukuman itu. Potong tangan umpamanya, tetapi apa pula kata mereka jika seseorang itu dipotong anggotanya atau kakinya oleh sakit kerana gastric, sakit kencing manis (diabetes) oleh doktor, apabila dia kena potong, itu tidak apa, itu kerana kebaikannya. Jadi apabila yang menghalang kalaulah hukuman-hukuman itu dikenakan sesudah diper-timbangkan segala keadaannya, circumstancesnya dan lain-lain aspect demi untuk keselamatan dan kebaikan masyarakat. Itu kerana seorang, ini untuk masyarakat, mana kita hendak utamakan masyarakatkah atau individu?

Jadi, Tuan Yang di Pertua, sekali lagi saya katakan saya kurang mahu menerima hujjah-hujjah yang negara kita ini, terdiri dari rakyat yang berbagai keturunan dan agama, maka payah sekali menjalankan undang-undang yang berteraskan kaedah Islamiah. Apakah tidak benar bila saya tegaskan bahawa undang-undang yang sedang berjalan sekarang ini hampir keseluruhannya ialah undang-undang yang dibuat atau ditiru dari luar Malaysia? Tidak pula kecinaan, tidak pula keindiaan, undang-undang ini kita luluskan dalam Dewan yang mulia ini lalu jadilah dia undang-undang negara yang mesti dipatuhi oleh semua warganegara yang taat setia kepada Malaysia. Benarkah tidak demikian? Jadi apabila yang menghalang kalaulah undang-undang itu digubal dengan bersemangat atau berperinsipkan kaedah-kaedah Islamiah yang sangat amat kaya-rya dalam segala bidang, dibawa, dimejakan ke dalam Dewan yang mulia ini, diperbahaskan dengan dada yang lapang, fikiran tenang tidak dipengaruhi oleh sentimen-sentimen yang melulu, kemudian diluluskan dengan suara terbanyak—2/3 pun lebih ada dalam Dewan ini. Maka jadilah ia undang-undang negara yang mesti dipatuhi pula oleh semua warganegara yang benar-benar taat setia kepada negara ini. Mudah, Tuan Yang di Pertua, tidak ada halangan kiranya ada kemahuan yang jujur, ikhlas kearah demikian itu guna membentuk masyarakat sejahtera,

masyarakat adil bahagia di negara Malaysia yang tercinta. Maka saya berserulah kepada Kerajaan kita bertindak segera . . . . .

**Tuan Yang di Pertua:** Saya suka mengingatkan bahawa saya terpaksa hadkan masa ucapan ahli-ahli, sebab hari inilah sahaja yang terbuka kepada Ahli-ahli untuk berucap, besok tidak ada lagi. Jadi tolong pendekkan ucapan sedikit. Point yang telah dicakapkan itu, orang sudah faham. Jangan panjangkan lagi.

**Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang sebenarnya saya pun hendak mengakhiri ucapan saya.

**Tuan Yang di Pertua:** Kalau tidak saya ingatkan tadi, boleh jadi panjang lagi.

**Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah:** Sedikit lagi, jadi saya berseru kepada Kerajaan kita ini bertindak dengan segera mengorak-langkah mengambil kaedah-kaedah Islamiah itu menjadi asas perundangan negara kerana semangat kita sekarang sudah semangat lain daripada yang dahulu.

Mudah-mudahan Allah akan memberi inayatnya memberkati kita semua. Maka untuk mengakhiri ucapan saya ini kami sokong usul merakamkan ucapan junjung kasih kepada Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

**Tuan Yang di Pertua:** Saya suka hendak mengingatkan sekali lagi, kerana hari ini sahaja terbuka kepada ahli-ahli berucap, saya minta kepada Ahli-ahli yang belum berucap supaya menghadkan ucapannya selama 10 atau 15 minit. Banyak lagi Ahli yang hendak bercakap.

**Tan Sri Syed Nasir bin Ismail (Muar Dalam):** Tuan Yang di Pertua, saya bangun menyokong usul yang ada di hadapan Dewan ini bersama-sama dengan rakan-rakan saya Ahli-ahli Yang Berhormat yang bercakap lebih dahulu, melafazkan ucapan junjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Ucapannya pada 17hb yang lalu.

Pada permulaan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda itu telah menitik-beratkan usaha-usaha pembangunan negara dan

Rancangan Malaysia Kedua serta perpaduan antara rakyat. Masalah pembangunan dan perpaduan, khasnya adalah objek tegas kenegaraan kita. Oleh kerana yang demikian pendapat yang dikemukakan dan approach-nya haruslah secara objektif kenegaraan dan bukan secara subjektif dan emosional. Hanya dengan demikian maka natijahnya betul-betul objektif, rational dan bersifat konstruktif.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini kepada masalah teknikal pembangunan projek-projek yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Kedua yang harus dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya. Untuk itu perlu diadakan pengawasan yang teliti, khas terhadap projek-projek yang dilaksanakan dengan bantuan modal asing. Bantuan modal dan tenaga asing kita terima dengan tangan terbuka dan penerimaan itu adalah atas dasar iktikad baik dan tanpa syarat-syarat yang mengikat. Government to government aid ini hendaklah betul-betul bertujuan membangun dan bukan sebagai alat penetration politic oleh yang memberi bantuan. Hal ini saya tujukan kepada pelaksanaan projek-projek raksaksa yang perlaksanaannya memakan masa yang panjang dan memakan belanja dan tenaga kerja yang besar. Kita haruslah berwaspada bahawa jangan pula pelaksanaan rancangan kerja projek raksaksa ini selari dan sehalu dengan pelaksanaan tujuan iktikad buruk yang tersembunyi yang berupa sabversif politik dari negara-negara yang memberi bantuan tersebut.

Kita telah melihat peristiwa-peristiwa ini terjadi dalam beberapa buah negara yang sedang membangun. Projek-projek raksaksa ini banyak terbengkalai dan tergendala apabila terjadi gangguan hubungan diplomatik antara negara yang berkenaan membawa dan membebaskan hutang pada negara yang menerima bantuan itu.

Dengan demikian, saya sukacita merayu Kerajaan mengamat-amati atas kemungkinan seperti itu berlaku di negara kita dan hendaklah mengambil langkah-langkah bagi mencegahnya. Setengah-setengah negara-negara yang membantu ingin melihat negara yang dibantu tetap lemah, supaya alat infrastruktur ekonomi negara rusak sehingga negara kita akan tetap mengemis dan

seterusnya masuk dalam perangkap alat politik mereka. Kerana peristiwa-peristiwa seperti inilah kita tidak heran sikap negara-negara yang sudah maju sentiasa bermanis-manis muka sampai kita terpedaya oleh bantuan mereka. Sampai hari ini kita bersyukurlah bahawa kerjasama negara-negara asing belum mellihatkan gejala-gejala negatif tersebut.

Iktikad atau tujuan buruk yang hampir serupa telah terlibat sekarang ini iaitu Jepun, di satu pihak, ingin melihat ekonomi negara kita khasnya dan negara-negara Asean amnya tidak kukuh, dengan mencuba memperkecil pasaran dan harga getah, iaitu hasil utama punca penghidupan negara-negara ini. Jepun telah lupa bahawa kawasan Asean adalah pasaran barang-barang perindustrian yang utama kerana kita mengetahui bahawa negara-negara yang dimasukkan dalam E.E.C. atau Common Market Eropah serta negara Amerika Syarikat telah mengadakan beberapa usaha dan langkah untuk mencegah kemasukan yang berlebih-lebihan alat-alat perindustrian daripada negeri Jepun itu, dan kita mengetahui bahawa Jepun sekarang sudah memusatkan pula pengeluaran perindustriannya ke Timur Tengah, dan saya percaya negara-negara Timur Tengah apabila berasa gigitan daripada Jepun ini akan pula mengadakan sekatan-sekatan atau ikhtiar-ikhtiar untuk mencegahnya.

Sikap negara Jepun yang tidak mempunyai iktikad baik seharusnya mendapat pembalasan yang setimpal. Saya mengharapkan dan menyeru Kerajaan supaya mengambil tindak-balas terhadap sikap Jepun ini.

Tindak-balas seperti di atas dapat dikatakan "contoh kongkrit" pertama mengenai kerjasama ekonomi antara negara-negara Asean. Tindakan seperti ini, malahan akan memberi nafas baru dan merupakan "suatu catalyst" dalam memajukan perindustrian dalam negeri kita ini.

Inilah bukti nyata kepalsuan sikap setengah negara-negara yang sudah maju kononnya akan membantu negara-negara yang sedang membangun, sesuai dengan pepatah nenek moyang kita yang lama, sedar akan hakikat ini "telunjuk lurus kelengkeng berkait". Usaha-usaha bagi merapatkan jurang perbezaan pembangunan di antara kedua-dua golongan negara-negara di atas adalah sia-sia sahaja.

Tuan Yang di Pertua, sikap seperti yang saya sebutkan di atas terdapat juga di dalam negeri kita ini. Ucapan-ucapan beberapa ahli pembangkang dua tiga hari sidang ini nampaknya hampir-hampir menepatinya. Masaalah penyusunan semula masyarakat baru dalam taraf permulaan, sudah ada suara-suara yang tidak sehat didengar di dalam Dewan ini. Orang-orang bumiputra selama ini hidup sekais pagi untuk pagi sekais petang untuk petang, ingin mengubah corak hidupnya dari "taraf buruh kasar dalam negerinya sendiri" ke taraf "berdiri di atas kaki sendiri" sudah mulai dikaburkan dengan dalil-dalil dan hujah-hujah yang mengelirukan oleh setengah daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang.

Sekarang sudah nampak belang mereka, sekarang kita baru lihat warnanya yang sejati betapa buruk dan penuh hasad dengki melihat bumiputra mulai mengembangkan sayapnya yang masih belum terbuka lagi.

Susunan kata-kata dalam hujah-hujahnya dalam mempertahankan dalil-dalil yang penuh dengan niat buruk itu sangat mengkhawatirkan kita semua. Huraian-huraiannya bukan mengurangkan tetapi menambah kusut persoalan yang dihadapi oleh bangsa dan negara.

Di satu pihak yakni setengah daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pembangkang, melaongkan slogan kononnya setuju menolong bumiputra, tetapi dipihak lain ia cuba mecungkil-cungkil retak-retak yang lama. Dalam huraiannya diseling dengan kata-kata yang boleh menimbulkan kecurigaan di kalangan bumiputra sendiri, sehingga nampak sangat sikap jahat dan mengadu domba kaum bumiputra sesama sendiri.

Tuan Yang di Pertua, saya tujukan kata-kata saya ini khasnya kepada Ahli Yang Berhormat dari Batu, yang memang suka melemparkan batu tanpa mengarahkan kepada tujuan yang objektif. Apabila tujuan beliau ini menonjolkan masaalah bumiputra yang baharu hendak mengecap nikmat titik peluh dan usahanya setelah negara ini merdeka. Berapakah orang bumiputra yang termasuk dalam golongan ini? Menurut Ahli Yang Berhormat itu sendiri baharu 5%. Apakah beliau tidak senang melihat kaum

bumiputra dapat hidup menikmati kekayaan dibumi tanah pusaknya sendiri, dibumi tempah darahnya sendiri?

Sikap seperti inilah yang dapat dikatakan penuh kepalsuan dalam menunaikan tanggungjawabnya untuk ikut serta menjayakan Dasar Ekonomi Baru dan menyusun semula masyarakat negara kita ini.

Ketentuan penyertaan 30% kaum bumiputra dalam bidang perdagangan dan perusahaan dalam negara ini sukar akan berhasil, kerana adanya segolongan pemimpin parti yang sangat provokatif. Sikap yang suka menyalakan api seperti ini dapat membakar tanah semenanjung ini dan hanya akan merugikan semua pihak.

Keadaan sebelum merdeka lebih banyak menguntungkan kaum pendatang; penjajah telah memberi hati dan muka kepada pendatang-pendatang ini dengan berlebihan. Penjajahan di mana-mana juga memang berbuat demikian sebab dengan demikian itu dapat meninggalkan "bom-waktu" (time bomb) yang salah satu dari sumbunya telah meletus pada bulan Mei 1969. Keadaan dan bentuk masyarakat Malaysia sekarang ini adalah hasil politik "divide and rule" selama penjajahan di tanah air kita ini. Inilah yang menyebabkan adanya projek penyusunan semula masyarakat oleh kerajaan kita yang sedarkan keadaan ini dan yang suka hendak menyelesaikan masalah ini dengan seberapa cepatnya.

Tuan Yang di-Pertua, memang betul seharusnya masyarakat bumiputra menyertai 30% bidang perdagangan dan perusahaan dalam tempoh 20 tahun. 30% dalam semua peringkat, bukan hanya di peringkat buruh dan orang suruhan sahaja. Kita mahu bumiputra betul-betul melibatkan dirinya dalam segenap peringkat dalam semua bentuk dan jenis perdagangan dan perusahaan di negara kita ini.

Hanya dengan demikian kerajaan telah betul-betul menjalankan usaha penyusunan semula masyarakat kita dalam bidang ekonomi khususnya. Kalau usaha-usaha ini gagal akibat "permainan politik kotor pembangkang" maka pihak pembangkanglah yang akan mendapat hukuman rakyat di negara kita ini.

Saya terpaksa bercakap secara "to the point" tanpa kata-kata diplomasi, kerana amat nyata sekarang bahawa perbezaan jurang ekonomi tidak mungkin berhasil kalau pihak-pihak pembangkang menghidupkan api sentimen perkauman di Dewan ini yang akan merebak keluar Dewan ini. Anggota-anggota partinya juga telah menggunakan taktik ini di luar Dewan ini, terutama dalam pilihanraya kecil baharu-baharu ini di Kedah, seolah-olah Ahli Yang Berhormat dari Batu itu adalah juara dan pejuang orang miskin. Baharu 5%, Tuan Yang di-Pertua menurut Ahli Yang Berhormat itu sendiri, bumiputra cuba hendak menyaingi orang-orang bukan Bumiputra sudah tidak menyenangkan hati dan mata Ahli Yang Berhormat itu, saya tidak tahu bagaimana pula sikapnya dan tindak-tanduknya jika tercapai matlamat 30% seperti yang dirancang oleh Kerajaan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari pembangkang telah banyak bercakap mencela dan memutar belit hakikat-hakikat yang objektif di negara kita ini.

Sebagai warganegara, kita hidup atas landasan yang kuat, perlembagaan sebagai landasan konstitutional dan Rukunegara sebagai landasan spiritual bangsa. Saya tidak berhajat megulas panjang-panjang perihal kegagalan pelajar-pelajar kita dalam Bahasa Malaysia dalam peperiksaan M.C.E. baharu-baharu ini, kerana sudah ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah bercakap dalam Parlimen. Akan tetapi saya berhajat mengulas sedikit sahaja tentang rayuan yang dibuat oleh rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Sitiawan untuk mengadakan suatu enquiry terbuka terhadap masalah yang menurut Ahli Yang Berhormat dari Melaka sebagai "the burning issue" dan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu sebagai punca "berita angin bahawa akan ada kekacauan pada 16hb April, yang lalu", iaitu hari kebesaraan umat Islam. Rupa-rupanya perkara ini sengaja dibesar-besarkan oleh orang-orang yang seperti mereka itu. Mungkin ini merupakan suatu ujian, merupakan suatu percubaan kepada Kementerian Pelajaran khususnya, bagaimana sikapnya dan pendiriannya. Peperiksaan bukanlah satu cara yang sebaik-baiknya menguji kepandaian seseorang. Perkara ini telah menjadi pokok perbahasan di kalangan para

serjana, para guru dan cerdik pandai semenjak zaman dua puluhan lagi, di mana-mana di dalam Journal Perguruan hal ini telah dibincangkan. Tetapi belum ada suatu cara atau kaedah atau sistem yang lebih adil menentukan kebolehan dan tingkat serta darjah kepandaian seseorang itu lain daripada peperiksaan. Peraturan-peraturan ini sudah disusun oleh pihak Lembaga Peperiksaan Cambridge yang berpengalaman berpuluh-puluh tahun, dan tidak patut diragukan.

Kalaulah rayuan ini diterima, maka hal ini akan menjadi landasan untuk dibiasakan bagi masa-masa yang akan datang dan peristiwa ini, Tuan Yang di-Pertua, akan menjadi "suatu precedent yang membahayakan" kedudukan peperiksaan di masa yang akan datang.

**Tuan (Timbalan) Yang di Pertua:** Ahli Yang Berhormat sudah 15 minit bercakap.

**Tan Sri Syed Nasir bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan reangkakan.

**Tuan (Timbalan) Yang di Pertua:** Seminit lagi.

**Tan Sri Syed Nasir bin Ismail:** Kerajaan, khususnya Kementerian Pelajaran telahpun mulai mengkaji akan kejadian ini dan saya yakin langkah-langkah yang patut telahpun diambil supaya peristiwa tersebut tidak berulang. Kementerian Pelajaran juga telah memberi kemudahan-kemudahan untuk kesempatan memperbaiki nilai bahasa Kebangsaan kepada mereka yang gagal kerananya. Kegagalan yang demikian belum seimbang dengan kegagalan kerana matapelajaran-matapelajaran lain yang tidak dapat diperbaiki dalam waktu yang singkat, iaitu kegagalan pelajar-pelajar bumiputra kerana matapelajaran-matapelajaran sains dan teknologi.

Tuan Yang di Pertua, saya tidak nampak faedah yang positif daripada tindakan untuk mengadakan enquiry terbuka itu. Ia hanya akan mengurangkan dan merusak sendi-sendi "kedaulatan undang-undang" seperti saya sebutkan di atas tadi. Tindakan seperti itu akan merupakan lambang kemerosotan nilai moral kita, seolah-olah kita telah menginjak-injak peraturan-peraturan dan keputusan

yang telah dibuat. Biarlah peristiwa kegagalan ini jadi ingatan kepada kita semua, terutama pelajar-pelajar dan ibubapa kita sekalian.

Tuan Yang di Pertua, saya reangkakan ucapan saya dan saya suka bercakap sedikit sahaja dengan izin Tuan Yang di Pertua, iaitu mengenai soal beras yang menjadi makanan utama kita yang telah dibangkitkan di dalam Dewan ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di Pertua:** Satu minit lagi!

**Tan Sri Syed Nasir bin Ismail:** Terima kasih.

Beberapa kekeliruan, Tuan Yang di Pertua, telah berlaku mengenai dasar beras di Negara kita ini. Dalam Rancangan Malaysia Kedua ada tertulis bahawa dasar beras Kerajaan ialah untuk memberikan pendapatan maksima kepada penanam-penanam padi dan memastikan harga beras yang berpatutan kepada pengguna-pengguna beras.

Dalam usaha melaksanakan dasar Kerajaan yang tersebut itu, maka Kerajaan telah memikirkan bahawa pengeluaran beras sebanyak 90% daripada kehendak-kehendak penduduk di Negara ini adalah menjadi matlamat Kerajaan yang ditugaskan kepada Lembaga Padi dan Beras Negara dan lain-lain badan yang berkenaan bagi mengambil tindakan. Di sini timbullah kekeliruan yang saya katakan itu, iaitu pada fikiran saya matlamat 90% ini bukanlah dasar, tetapi sebagai satu cara atau "means" bagi mencapai dasar Kerajaan memberikan pendapatan yang maksima kepada penanam-penanam padi di Negara kita ini. Pada fikiran saya matlamat 90% ini boleh diubah dari semasa ke semasa mengikut keadaan dan matlamat 90% ini pun telah menjadi kekeliruan di antara beberapa pegawai-pegawai Kerajaan yang telah bercakap mengenai matlamat ini. Ada pegawai-pegawai Kerajaan yang berkata bahawa 90% ini ialah bagi kehendak seluruh Malaysia iaitu Semenanjung Malaysia dan Sabah serta Sarawak dan ada yang berkata bahawa 90% ini hanyalah bagi Semenanjung Malaysia sahaja.

Keadaan beras sekarang ini telah menyebabkan banyak Ahli-ahli Yang Berhormat meminta supaya Kerajaan menyemak balik dasar beras Kerajaan. Saya fikir dasar

Kerajaan tidak berubah iaitu memberikan pendapatan maksima kepada petani-petani dan memberi harga-harga yang berpatutan kepada penanam-penanam beras. Tetapi apa yang dimaksudkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bukannya dasar, tetapi had pengeluaran yang menjadi matlamat Kerajaan. Saya menyokong perkara ini disemak balik hanya saya suka menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa keadaan beras di masa ini adalah sementara sahaja oleh sebab beberapa faktor alam yang telah berlaku di seluruh dunia ini dan faktor-faktor itu, saya ringkaskan, Tuan Yang di Pertua, iaitu antaranya ialah saya suka menyatakan bahawa harga beras di seluruh dunia telah naik antara 75%-100%. Sebab-sebabnya tidak dapat dielakan dan ini termasuklah kemarau yang amat panjang di Indonesia dan di India pada pertengahan tahun yang lepas, banjir dan typhoon di Filipina dan peperangan di Bangladesh dan Cambodia. Sebab-sebab ini telah menyebabkan naiknya permintaan beras di seluruh dunia semenjak akhir tahun 1972. Selain daripada itu, saya mendapat tahu bahawa cuaca (weather) yang sangat buruk telah berlaku di Russia dan China pada tahun lepas juga dan ini telah menyebabkan Russia terpaksa membeli gandum dengan banyaknya daripada Amerika Syarikat dan China membeli gandum daripada Canada dan Australia. Pembelian gandum oleh Russia sebanyak 19 juta tan daripada semua negara termasuk negara-negara Eropah Timur, untuk dihantar kepada negara-negara itu untuk pertengahan tahun 1973 ini telah menyebabkan harga gandum dan harga sewa kapal naik bagi semua jenis pengangkutan bahan makanan (grains).

Begitu juga keadaannya bagi negeri Cina yang biasanya mengimpot gandum dan mengeksport beras. Negara tersebut mengimpot gandum dengan harga yang lebih murah kalau dibandingkan dengan harga beras dan ianya memakan gandum dan menjual beras ke pasaran dunia. Tetapi bagi tahun ini pengeluaran berasnya telah berkurangan dan ini memaksanya mengurangkan eksportnya ke pasaran dunia. Saya juga mendapat tahu bahawa beras eksport daripada Thailand telah berkurangan daripada biasa oleh sebab kemarau di beberapa daerah di Thailand ini. Kedudukan beras yang mahal di dunia dan kekurangan beras di seluruh dunia tidaklah, Tuan Yang di Pertua, memberi kesan sangat

kepada Malaysia walaupun harganya telah naik kira-kira 10% jika dibandingkan dengan harga beras enam bulan dahulu. Kita masih mengimpot beras tetapi tidak sebegitu bergantung di atas beras keluaran dunia. semenanjung Malaysia mengimpot kira-kira 10% daripada kehendaknya sementara Sabah dan Sarawak mengimpot kira-kira 50% daripada keperluannya. Ini bermakna harga beras yang mahal di pasaran dunia tidak sepenuhnya dibebani oleh penduduk-penduduk Malaysia melainkan di Malaysia Timur sahaja dan bebanan ini telah dapat dikurangkan dengan banyaknya bantuan beras daripada Semenanjung Malaysia dihantar ke Sarawak dan Sabah. Dan walaupun Sabah tidak masuk dalam Akta Lembaga Padi dan Beras Negara, tetapi saya menganggap Sabah adalah seperti satu anggota dalam satu badan dan jika anggota itu merasa sakit seluruh badan hendaklah merasa sakit juga. Akhirnya, saya suka menyentuh sedikit tentang dasar . . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di Pertua:** Sudah empat minit lebih.

**Tan Sri Syed Nasir bin Ismail:** Saya menjangka fasal beras tadi.

**Tuan (Timbalan) Yang di Pertua:** Boleh digulungkan. Oleh kerana mustahak itu, saya benarkan bercakap fasal beras; gulungkan satu dua ayat lagi.

**Tan Sri Syed Nasir bin Ismail:** Tuan Yang di Pertua, saya suka menyentuh sedikit tentang Titah Ucapan, iaitu berkenaan dasar luar berhubung dengan negara-negara Islam . . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di Pertua:** Bercakap fasal beras sahaja, kerana masa sudah lebih daripada 4 minit hadnya yang dibenarkan oleh Tuan Yang di Pertua.

**Tan Sri Syed Nasir bin Ismail:** Kalau beras, Tuan Yang di Pertua, melainkan kalau Tuan Yang di Pertua, izinkan saya menjawab atau memberi penjelasan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Tuan (Timbalan) Yang di Pertua:** Masa telah cukup.

**Tan Sri Syed Nasir bin Ismail:** Kalau begitu, Tuan Yang di Pertua, saya banyak lagi hendak bercakap, dan dengan sebab waktu tidak mengizinkan, saya ucapkan terima kasih.

**Tuan Michael Chen Wing Sum (Ulu Selangor):** Tuan Yang di Pertua.

**Tuan (Timbalan) Yang di Pertua:** Saya harap Ahli Yang Berhormat jangan mengambil masa lebih daripada 10-15 minit. Datuk Speaker telah menghadkan masanya.

**Tuan Michael Chen Wing Sum:** (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I thank His Majesty the di-Pertuan Agong from the depths of my heart for his words of guidance and wisdom.

As Malaysian citizens, we are indeed very proud of our Government under the great leadership of our Honourable Prime Minister, Tun Haji Abdul Razak bin Hussein, and our people whose joint effort has steered our nation towards great progress in the fields of development, politics, economy, social, cultural and international relations. Taking into consideration of our limited natural resources, short period of independence, the mental and physical ability of our people, we have achieved of what should be expected and do what should be done. But this does not mean that there is no room for further improvement. Neither does it mean that we should be contented with our achievement and complacent with the existing situation. On the contrary, we should double our effort and strike harder with our gathered experience and wisdom from the past towards greater progress and success for we are living in an ever-progressing and competitive world. Internally, we have to provide a better and higher standard of living for our people. Internationally, we have to compete to survive. We must always remember that only the fittest and the strongest will not be eliminated.

In this respect, we must therefore determine to construct an absolutely united and undivided nation from our peoples of various origins on the principles of trust, mutual respect, co-operation, equality and fairness. We have no doubt that our Government and many of our people also share this view and with this view we hope to create a society of prosperity and harmony. Despite our effort and contrary to our hope, we cannot feel without regret and dismay that sparks of mistrust and fear among the races can still easily and vulnerably destroy the foundation of our unity. This was demonstrated and manifested a few days ago, just before and on the date of the Birthday of Prophet

Mohammed, when a rumour that some undesirable incidents may happen spread across the whole country like wild fire and practically every shop in Kuala Lumpur was closed on 16th April, 1973. We must not permit this state of affairs to go on unchecked.

The rumour that the M.C.A. Ministers may leave the Cabinet if the M.C.E. issue cannot be settled still spreads. We would like to take this opportunity to state here categorically that the M.C.A. fully understands that we cannot interfere with the assessment and marking of the examination papers which are the prerogatives of the Examination Syndicate, but as a responsible political party, like the UMNO and others, we cannot be unconcerned with the unusually high percentage of failure in the subjects of Bahasa Malaysia and Science and the future of the 14,000 unsuccessful candidates. It should definitely be our duty to explore the cause or causes which had contributed to these miserable and shocking results.

Unity is the foundation of our prosperity and harmony. Let us cherish and sustain this principle and let us pull no punch to attack the evil spirit which may divide and destroy us. We therefore appeal to our people, in particular our politicians, to put national interests above personal and selfish political gains. Let us forget, or at least make the necessary attempt to forget, our racial origins for the concept of nationality today is quite different from yesterday. It does not and in fact it is impossible to confine to one race or one creed any more. For various reasons, the world we know today is mixed and cosmopolitan. Not only Malaysia but practically every land in the world today is multi-racial. Any racial sentiment if applied to politics would undoubtedly serve to destroy the unity of any nation.

We entirely agree with His Majesty that not only emphasis should be placed on development, but fair distribution of whatever fruition is equally essential; otherwise to give our people a better standard of living would be meaningless to the majority of the unfortunate poor ones.

In this country there are still many unfortunate people who cannot obtain a lot to build a shelter or a piece of land to plough although God has benevolently given us a sizeable Peninsula and a good part of the

Borneo State. There are still many who could have earned a better living but they are being unnecessarily exploited, e.g. like the taxi drivers. They deserve and should have been granted the licences direct, but, instead an underserving class of taxi owners has been created at the expense of the have-nots.

The recent price increases have caused great hardship to the lower income groups. Most of them can hardly manage and meet the situation. Despite Government's concern and attempt to ensure domestic price stability, we are not too optimistic for prices once go up seldom come down.

Our only hope is, when we are suffering from the unavoidable imported inflation, we shall have an opportunity to enjoy a little bit of our exported inflation on rubber and tin. But even this hope may now be shattered by the unscrupulous methods always adopted by some of the heartless Americans, i.e. everytime when our rubber and tin prices go up, they threaten to release their stockpiles which inevitably will affect the prices of these two commodities.

We are also glad to note that our Government will continue to improve the health services for our people. While it is important to give adequate nutritious diet for our rural children, it is equally important to improve health-affecting conditions both at urban and rural areas. Effective measures should be taken to eliminate flies and mosquitoes, to clear some of the drains filled with rubbish and to provide proper systems of sanitation and water supply. We certainly need more preventive moves to promote better health.

When we are planning to make our people healthier and stronger, which will logically and naturally lead to greater longevity, we should also look into their welfare and social security when they get old and have retired. Although our way of life has been immensely polluted by western influences, we are proud that we are still able to keep one virtue untouched i.e. to maintain a strong family tie the Asian way. This tie would, of course, impose upon us the duty to look after our parents. We are confident that our Government would not hesitate to find ways and means not only to sustain but promote this virtue. In this respect, there will be no better way than to permit such maintenance to our dependent parents be exempted from income tax.

On our record of success, the achievement on international relations in the past year is spectacular. When we are thanking our armed forces and police who have efficiently maintained our sovereignty and order, we should also thank our officials of foreign affairs of their untiring effort to make friends all over the world which would have tremendous effect on our country.

Last but not least, let us pray to God to give us good health, good sense and good luck so that all of us in Malaysia will enjoy our meaningful living for many years to come.

**Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid (Batu Pahat Dalam):** Tuan Yang di Pertua, saya mengambil bahagian bercakap di atas usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Tumpat di dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah membayangkan kemajuan-kemajuan yang telah dijalankan oleh Kerajaan dan yang akan dijalankan oleh Kerajaan pada masa hadapan.

Bercakap di dalam Dasar Ekonomi Baru yang ditubuhkan di dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua telah berjalan tahun yang ketiga, perubahan yang mengambil tempat di dalam pembangunan negara ini sangat digalakkan. Rancangan besar yang dinanti oleh setiap rakyat akan kesannya, dari itu bagi pihak hendak mengekalkan keyakinan rakyat kepada pihak Kerajaan. Kerajaan perlu melipatgandakan tugas-tugas dan usaha-usaha supaya penyelenggaraan rancangan ini dapat dijalankan dalam jangka waktu yang ditetapkan, khususnya di dalam kawasan pendalaman dan rakyat di luar bandar yang tertunggu-tunggu dan ternanti-nanti, bilakah rancangan dan kemudahan yang dijanjikan di tempat-tempat mereka akan sampai sedangkan Rancangan Malaysia Yang Pertama sudah lepas dan Rancangan Malaysia Yang Kedua sudah masuk tahun yang ketiga tetapi mereka hanya tinggal dengan bayang-bayang sahaja, umpamanya rancangan letrik, rancangan paip air, rancangan jalanraya, rancangan jambatan, rancangan perparitan Johor Barat dan lain-lain lagi rancangan jauh sekali rancangan untuk membina kilang-kilang yang membolehkan penganggur-penganggur di dalam kawasan luar bandar dapat peluang bekerja.

Tuan Yang di Pertua, pemuda-pemuda dan belia-belia di kampung di luar bandar hari ini telah banyak berhijrah ke negeri seberang untuk mendapatkan kerja sehinggalah kebanyakan di kampung-kampung luar bandar telah berkurangan dengan tenaga muda, kerana mereka tidak boleh tinggal di kampung-kampung dengan mengharapkan hasil kelapa dan getah yang hanya sebanyak dua ekar kepunyaannya sendiri. Kebun ini pula selalu sahaja terancam bila musim hujan.

Tuan Yang di Pertua, memandangkan keadaan pasaran beras pada hari ini sangat berkurangan di dunia pada hari ini, saya minta kepada Kementerian yang berkenaan supaya dapat mengkaji semula di atas perkara tanah Asam Bubuk yang seluas 2,500 ekar yang telah mengeluarkan hasil padi yang banyak selepas lima tahun yang lalu dan telah gagal sesudahnya dengan sebab kekurangan bekalan air. Penyiasatan telah dibuat oleh pihak yang berkenaan dan peruntukan telah dicadangkan sebanyak \$5 juta bagi membina satu amfang air di sebelah Ulu Sungai Semerong. Dengan adanya amfang air ini pesawah-pesawah akan dapat mengeluarkan padinya lebih banyak daripada yang sudah-sudah. Dukacitanya pihak Kerajaan tidak bersetuju dan tidak dapat memberikan peruntukan ini disebabkan terlalu tinggi dan memandangkan dari segi ekonominya pendapatan Kerajaan tidak lojik dan Kerajaan mencadangkan supaya tanah ini dijadikan kawasan pertanian, tidak kawasan persawah tetapi hari ini projek ini belum berjalan dan tanah-tanah ini tinggal terbiar sahaja mungkin kerana hendak menunggu penyiasatan. Siasat demi siasat, proses demi proses tanah ini telah tinggal dengan terbiar bertahun-tahun lamanya. Lebih baik Kerajaan mengeluarkan peruntukan ini dan digalakkan rakyat menanam padi bagi menambahkan hasil beras di dalam negara ini. Sudah lima tahun tanah ini terbiar ada juga setengah-setengahnya berusaha menanam padi, tetapi sia-sia sahaja tidak dapat mengeluarkan hasil, melainkan projek amfang air ini dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di Pertua, saya rasa perusahaannya yang banyak yang telah diuntukkan ini tidaklah menjadi masalah, demi kepentingan rakyat, Kerajaan patut menggalakkan dan memperbanyakkan, apa rancangan yang sudah ada daripada Kerajaan bercadang umpamanya hendak

menjadikan kawasan perbandaran di kawasan luar bandar umpamanya hendak mengadakan atau mendirikan kawasan perkilangan dan perindustrian. Ini adalah memakan masa bertahun-tahun lamanya. Bukan saya tidak bersetuju, saya adalah menyambut baik dan memang mengharapkan rancangan yang serupa ini demi kepentingan rakyat, tetapi rancangan ini, saya rasa memakan masa untuk hendak dilaksanakan khususnya di kawasan saya sendiri. Buktinya kalaulah di dalam satu kawasan itu tidak ada kemudahan seperti api letrik, tidak cukup bekalan air paip dan jalanraya, masakan projek seperti yang diterangkan itu dapat dinikmati oleh penduduk dalam kawasan saya lebih awal. Maka dengan ini, saya merayu kepada pihak Kementerian supaya dapat mengkaji semula mengenai masalah ini dan dapat dipersetujui permohonan yang telah dimajukan dahulu.

Tuan Yang di Pertua, saya ada mengucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan yang telah berjaya memajukan Lembaga Urusan dan Tabung Haji dan mendapat sokongan di kalangan ummat Islam. Dengan adanya sokongan daripada ummat Islam, Tabung Haji juga telah dapat melaburkan modal untuk membeli saham dan juga dengan melalui Tabung Haji juga dapat menyelamatkan orang yang terkandas untuk menunaikan fardhu haji daripada penipuan yang tidak bertanggungjawab bagaimana yang telah berlaku baharu-baharu ini. Dengan melalui Tabung Haji selain daripada meninggikan kedudukan ekonomi ummat Islam, juga dapat menolong dan memberi kemudahan kepada jemaah haji untuk menunaikan fardhu haji. Dasar Kerajaan sebenarnya semua nampaknya bertujuan baik, tetapi yang selalu berlaku tidak memuaskan orang-ramai atau rakyat jelata ialah tentang pelaksanaannya dan pentadbirannya, Tuan Yang di Pertua, yang dilakukan oleh setengah-setengah pegawai yang diberi tugas menjalankan pentadbiran itu.

Beberapa bulan yang lalu boleh dikatakan ribuan bilangan jemaah haji yang telah pergi menunaikan fardhu haji dengan melalui Tabung Haji baik melalui kapal laut dan kapal terbang. Ramai daripada jemaah haji ini berasa tidak puas hati di atas telatah pegawai-pegawai Tabung Haji ini menjalankan tugasnya. Semua jemaah haji telah menumpukan sepenuh pekercayaan kepada

pegawai-pegawai Tabung Haji, mengharap-kan pertolongan dan perhatian. Jemaah haji ini telah menyerahkan wang kepada pegawai-pegawai Tabung Haji:

- (1) wang kerana membeli tiket kapal, umpamanya tiket kapal terbang.
- (2) menyerahkan wang kerana pertukaran dengan wang rial.

Kita boleh membuat pertukaran sendiri di bank dengan wang sebanyak \$690 mendapat 1,000 rial, dan apakala ditukar hanya dipotong sebanyak satu rial sahaja, tetapi manakala kita menyerahkan wang untuk membuat pertukaran dengan pegawai-pegawai Tabung Haji, dikenakan \$710 dengan harga 1,000 rial. Ini telah melebihi \$20. Bagi jemaah haji mungkin tidak menjadi masalah di atas kelebihan itu, tetapi apa yang merunsingkan bila sampai di Jeddah dan di Mekah jemaah haji ini macam meminta sedekah berkehendakkan wangnya kembali, kadang-kadang sampai berhari-hari mereka menunggu berbaris-baris dan pegawai ini pula kadang-kadang tidak datang. Mereka memandang ringan sahaja di atas kesulitan yang dihadapi oleh jemaah haji ini, sedangkan jemaah haji ini memerlukan wang mereka, bila mereka sampai di sana untuk membuat belanja, ada setengah daripadanya sampai berminggu-minggu baharu wang mereka dapat dikembalikan.

Kedua, masalah tiket-tiket kapal. Pegawai-pegawai itu tidak mahu memberi kata yang tepat kepada jemaah-jemaah yang hendak membeli tiket kapal, umpamanya seorang jemaah membeli tiket telah bertanya lebih dahulu, bila bertolak, jawabnya 20 haribulan, dan bila balik, 1 haribulan. Jemaah ini tidak menaruh apa-apa sangkaan terhadap pegawai-pegawai itu hanya memberikan sepenuh-sepenuh kepercayaan. Tiket-tiket kapal ini telah diserahkan kepada jemaah ini bila waktu hampir hendak bertolak. Bila sampai masa hampir hendak bertolak balik jemaah telah pergi berjumpa dengan pegawai Tabung Haji di pejabatnya di Mekah dan bila disiasat nama-nama mereka itu dalam senarai yang hendak pulang pada tarikh yang dijanjikan, tidak ada. Pegawai minta tiket untuk dilihat, rupanya pada tiket itu ada tertulis tarikh mereka pulang tidak sama dengan apa yang dijanjikan oleh pegawai-pegawai itu kepada jemaah haji tersebut. Setengahnya lewat 4

hari, 6 hari dan ada yang lewat sampai 15 hari sedangkan jemaah-jemaah itu telah membawa wang cukup-cukup masa mereka tinggal di sana. Jadi apakala perkara yang serupa ini berlaku kepada para jemaah haji tentulah menyulitkan mereka. Perkara serupa ini boleh diatasi kalau pada masa mula menyerahkan tiket-tiket itu diterangkan atas pertukaran masa mereka pulang.

Tabung Haji ini ada mempunyai Pejabat di Mekah dan di Jeddah, tetapi yang menyulitkan apakala jemaah datang hendak berjumpa selalu sahaja mereka tidak ada di Pejabat khasnya kalau selepas pukul 2.00 petang. Hanya ada pion sahaja dan pion itu tidak boleh menjawab apa-apa juga masaalah kesulitan yang dihadapi oleh jemaah haji yang memerlukan pertolongan mereka.

Kerajaan telah menyediakan pegawai-pegawai untuk kemudahan jemaah-jemaah di sana yang mana saya ketahui iaitu terdiri daripada Pegawai Kesihatan, Pegawai Kebajikan, Pegawai Penerangan dan Pegawai-pegawai Tabung Haji. Pegawai-pegawai ini patutlah mengambil berat dan mengambil tahu hal-hal jemaah haji di sana dan hendaklah mengadakan lawatan dan mengumpulkan jemaah haji setempat untuk berjumpa dan memberikan penerangan mendengar kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh jemaah-jemaah haji ini. Mungkin pegawai itu akan menjawab bilangan jemaah haji beribu-ribu, macam mana hendak berjumpa. Sebenarnya ini boleh kita atasi melalui syeikh haji, kerana satu-satu syeikh haji, Tuan Yang di Pertua, ada tiga empat ratus jemaah daripada Malaysia untuk memudahkan lagi ialah di waktu di Arfah dan di Mina boleh pegawai-pegawai ini mengadakan lawatan. Janganlah duduk dengan senang-lenang dengan berbagai-bagai kemudahan, lihatlah penderitaan yang dialami oleh jemaah haji di sana untuk panduan kita memperbaiki tugas-tugas di masa hadapan.

Tuan Yang di Pertua, memandangkan penderitaan yang dihadapi oleh setengah-setengah jemaah haji di sana, salah satu daripadanya, mereka itu telah tidur di atas tanah dengan beralaskan sekeping tikar di waktu di Arfah dan di Mina. Oleh kerana kesejukan ramai di antara mereka yang mendapat sakit. Saya suka mencadangkan supaya Tabung Haji dapat memberi hadiah kepada jemaah haji ini sehelai gebar dan satu tilam

yang khas di tempah seperti boya umpamanya untuk memudahkan mereka membawanya ke sana ke mari. Sebab kalau diberi tilam yang biasa dijual umpamanya tilam dunlopillo sangat sukar untuk dibawa berarak ke Arfah dan ke Mina kerana ada setengah daripada jemaah haji itu sudah uzur, mereka tidak upaya hendak menghela barang-barang ini, sebab semua pekerjaan terpaksa dilakukan sendiri.

Tuan Yang di Pertua, saya suka mencadangkan kepada Kerajaan baik Kerajaan Malaysia mahu pun Kerajaan Negeri, manakala menghantar pegawai-pegawai yang mewakili jemaah haji dan yang menjalankan tugas:

- (1) Hendaklah dipilih orang yang pernah masuk dalam badan sukarela dan pernah bekerja dan membuat kerja-kerja kebajikan supaya mereka faham cara-cara menjalankan tugas terhadap orang ramai.
- (2) Orang sudah pernah menunaikan fardu haji lebih dulu supaya mereka faham dan tahu cara-cara pahit maung masa menunaikan fardu haji, janganlah dipilih mereka yang pergi ke sana kerana hendak mengambil kesempatan menunaikan fardu hajinya sendiri.
- (3) Orang yang mewakili atau menjalankan tugas-tugas janganlah membawa anak isteri bersama menunaikan fardu haji. Ini adalah mengganggu tugas mereka, sebab mereka menjalankan tugas di Mekah adalah berlainan dengan tugas-tugas yang dijalankan di negeri lain, kalau mereka mewakilinya.
- (4) Jauhilah cara pilih kasih yang akan merusakkan pentadbiran Kerajaan kita.

Tuan Yang di Pertua, selain dari itu saya suka mengambil kesempatan iaitu mengenai dengan sistem cukai pendapatan yang dijalankan pada masa sekarang untuk wanita yang bersuami tidak lagi sesuai dengan keadaan hidup yang lebih tinggi, bertambah pula kaum wanita sudah diberi status yang sama dengan kaum laki-laki kecuali cukai pendapatan bagi pihak kaum wanita yang bekerja yang memerlukan lebih banyak belanja dikecualikan hanya pada pendapatan \$1,000 setahun. Penilaian bersama sekarang tidak menggalakkan kaum wanita yang terlatih dan mahir bekerja di pejabat. Itulah

sebab-sebabnya ramai wanita-wanita meninggalkan pekerjaan mereka kerana sistem cukai pendapatan bertentangan dengan kepentingan mereka. Bagi wanita yang bergaji tinggi dan wanita yang berpendapatan sederhana, tetapi mempunyai tanggungjawab yang banyak, cukai yang dikecualikan \$1,000 adalah sangat mendukacitakan. Kerajaan patutlah menimbangkan tuntutan kaum wanita yang bekerja dengan segera, kerana kaum wanita perlu berganding bahu dengan kaum laki-laki untuk menjalankan Rancangan Malaysia Kedua. Sebuah negara seperti Malaysia yang sedang membangun, tenaga professional dan mahir adalah sangat diperlukan dari pihak kaum wanita.

**Tuan (Timbalan) Yang di Pertua:** Ahli Yang Berhormat ada satu minit lagi.

**Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid:** Tuan Yang di Pertua, saya berasa dukacita mendengar rungutan dari pegawai-pegawai Kerajaan yang menunggu-pembiayaan rumah oleh syarikat perumahan Kerajaan. Kesulitan pegawai-pegawai dan kakitangan ini hendaklah diberi perhatian berat memandangkan kenaikan sewa-sewa rumah dan juga barang-barang keperluan hari-hari, terutama sekali di bandaraya Kuala Lumpur ini.

Kedua, kesukaran hendak mendapat rumah-rumah Kerajaan. Hampir setahun pegawai-pegawai ini telah membayar wang tempahan tetapi sekarang mereka masih lagi belum diberi jaminan oleh pihak Kerajaan yang berkenaan samada mereka boleh mendapat rumah yang mereka tempah tidak terjamin. Harganya pula akan dinaikkan daripada harga yang ditengah tempoh hari dahulu. Mungkin syarikat perumahan tidak boleh memenuhi kesemua permohonan-permohonan ini dan dari ini saya cadangkan Kerajaan supaya dapat bekerjasama dengan syarikat-syarikat perumahan yang dijalankan oleh private sector untuk menjualkan rumah yang dibina oleh syarikat ini kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan dengan cara membeli melalui Kerajaan. Dapatlah pegawai-pegawai ini membeli dengan harga yang berpatutan dan yang kedua boleh mengurangkan kerunsingan dan beban pegawai dan kakitangan Kerajaan bila Kerajaan dapat menyelesaikan masalah mendapatkan rumah-rumah kepada kakitangan Kerajaan. Saya percaya pentadbiran ini akan dapat

dijalankan dengan lebih berkesan dan cepat sekiranya pihak Kerajaan dapat memikirkan masalah dan kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh mereka.

Sekianlah, Tuan Yang di Pertua, dengan ini saya memberi sepenuh-penuhnya memberi sokongan di atas Ucapan Titah Duli Yang Maha Mulia.

**Datuk Peter Lo Su Yin (Sandakan):** (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, it is most heartening to note from His Majesty's Address an expression of concern on the part of the Government over the plight of the people of Sabah who are at the moment experiencing a serious drought in certain areas of the State. This expression of concern, coupled as it is with a promise of continuous aid, will act as a tonic for our people in their fight for survival against the forces of nature and for ultimate recovery from the ravages caused by such forces. Indeed our people there are grateful to the Government for the relief measures that have been taken and are still being taken to cope with the situation. These measures have been prompt, and generous, and have been largely responsible for averting a catastrophe from becoming both unmanageable and uncontrollable. Even so, damage to property has been extensive and, in many cases, irreparable: crops are destroyed as also farm produce of all kinds, including live-stock and poultry in total fashion. For the victims, it will be a long road back to recovery.

Sir, the drought situation in Sabah brings into focus the need to carry out more infrastructural works in the rural areas. It will be noted that many of these areas are inaccessible by roads or for lack of roads, with the result that relief work has proved to be difficult and even hazardous. Food has to be airlifted more often than not, dropped from above, and it is entirely due to the credit of our armed forces that the whole operation has proved as successful as it is. Nevertheless, the operation is expensive and it would be wise to give some priority to the construction of such roads as are necessary in these areas in the long-term interest. Besides, once the roads have been constructed, the people will be enabled to come into closer contact with the world immediately outside their own confines; and at a time when there is so much development

activity going on in the State, they will have a chance to take part in such activity in the overall scheme of things, thereby contributing to the national effort.

Sir, the drought situation also brings into focus the need to introduce a more effective marketing system of the more essential commodities of life, i.e. rice and sugar, to name only two of these. For some obscure reasons, the prices of these two commodities have gone up steeply and indeed at one stage there was an apparent shortage in supply. Inevitably, the drought has been blamed for this state of affairs. At the same time, it is well-known, of course, that there is a shortage in the world market of these two commodities. But even granting this fact, there seems to be no warrant for increasing the prices so high as to cause despondency and alarm among the people. Worse still, the increases in prices bite deep into pockets which are largely perforated due to the spiralling cost of living for which Sabah is notoriously known.

Having regard to the circumstances I have stated, Sir, may I urge the Government to take a close look into the problem and, if need be, take corrective measures thereafter, such as providing for a more equitable system of marketing to ensure fair and reasonable prices of these commodities to the consumers.

Mr Speaker, Sir, reference is made in His Majesty's Address to the continuing efforts of the Government to bring about a better quality of life for the people. We are much indebted to the Government for its efforts directed towards this end, and indeed the efforts expended so far have yielded results so impressive that even its worst detractors are hard put to the problem of finding fault in disparagement of these efforts. Admittedly, much remains to be done, and it is at this point that the Government will be severely tested in its efforts, especially in the wake of rising world prices which we must pay for import requirements.

Sir, the quality of life which His Majesty speaks of relates, of course, to the provision of material benefits to the people most deserving of them. But there is another aspect of this life—with which the phrase is usually associated—which, I hope, has not been forgotten in so far as Sabah is concerned. I refer, Sir, to the absence of any institution

catering for tertiary education in the State. The establishment of a university in that State is a must if the quality of life is to be fostered and maintained in a meaningful way. Material advancement is a desirable objective, but its implementation must not lead to a situation where it becomes an obsession for our people to regard such advancement as the sole end of life; for that could lead to a breakdown in social discipline and create in its place a false sense of values.

Sir, I would, therefore, urge the Government to set up a university in Sabah as soon as possible. I realise that this is by no means an easy task, even assuming that we have got ample funds to do so, but the task should not prove altogether impossible. We can always start, as indeed we must, on a modest scale. We can start off, say, with a small University College catering initially for the liberal subjects in arts and in agricultural sciences. The College may even be affiliated to or be part of the University of Malaya; and if this is done, it will give immediate prestige to the College, thereby attracting students from other parts of Malaysia and from other parts of the world, far and near, to pursue their studies there. In passing, I might add that the time may be opportune to change the name of the University of Malaya to that of the University of Malaysia. In saying what I have said, Sir, I am not unaware that there is a move, vague and nebulous as it may be at this present stage, to site a university, mainly for post-graduate studies in the Island of Labuan. The move, if I may so describe it, is, I hear, a private one, but the proposal has nevertheless attracted the interest of one of our most eminent professors and administrators, who seem to be favourably disposed to the idea. Far be it for me to question the wisdom of this idea, I think it would be a more logical development if we were to start something on the lines I have indicated earlier.

Sir, the case for the setting up, in Sabah, of a university or a university college, call it what you will, is, in my opinion, overwhelming. We need a university urgently not only to serve the needs of our students but also the needs of the Government at this crucial period when so much is at stake. What is at stake is the ability of our people to meet the challenges posed by the ever-changing pattern of life emerging everywhere in the

world. Politicians and civil servants are busy people, and have no time, nor the inclination—I hope they will forgive me for saying that—to do planning and research work: for that would indeed be expecting too much of them, particularly in the case of the politicians. True, the Government has experts to help them along, but this in itself is not enough. Here is where the university comes in. The university will, and can provide the necessary assistance in so many ways, in research and in critical analysis, on any problem of current interest. It can also act as a forum for the discussion of current affairs, both international and domestic, among the academics and other professional people who may from time to time be invited to take part in such discussions. And indeed the university is an important adjunct to the whole machinery of Government in the sense to which I have alluded, and a Government would be so much poorer for not making use of the services that are available in a university. Accordingly, Sir, I would urge the Government to give the matter of my request for the setting up of a university in Sabah the consideration it deserves. After all, we want Sabah to enjoy this quality of life, too. Also, we want Sabah to be known—not as the land where the timber tycoons populate, or the place where the cost of living is highest in the whole of Malaysia, but as the place which is rich in cultural traditions and in intellectual life. As it now is, the place is a cultural and intellectual desert.

Mr Speaker, Sir, it is also heartening to note from His Majesty's Address that Government is making progress in its efforts to correct the economic imbalance existing among the bumiputra and the non-bumiputra. The fact that the Government is able to report such progress, with optimism and confidence, so soon after the Second Malaysia Plan was put into effect, is a matter for congratulation and one of which the Government may justly be proud. With this aspect of the Plan now firmly in the Government's grips, all that remains to be done is to ensure that the Plan will be fairly and squarely implemented. In this connection, I am reminded of the speech made recently by the distinguished Chairman of PERNAS that the various agencies set up by the Government for the purpose of helping the bumiputra businessmen are not there to serve the interest of a category of people who happen to be close

to the Government for one reason or another. And the Chairman went on to say that the alternative would spell doom to the country as shown clearly in so many developing countries which had fallen prey to the machinations of those who are able to manipulate things for their benefit through political means or otherwise. Now, Sir, what the Chairman of PERNAS had stated is important as reflecting a statement of policy of the Government, a policy with which we all subscribe, and is further important as a statement of general application. So far, everything is clear. But what is not so clear is, does the Government also seek to correct the economic imbalance that exists in a particular ethnic group? Whilst I have not the slightest doubt that, under the wise and dynamic leadership of our Prime Minister, Y.A.B. Tun Abdul Razak, all Malaysians will receive their just rewards under the Plan, and that we have nothing to fear but fear itself in the implementation of that Plan. I think it is important that an answer should be given to that question. Upon an answer being given in the affirmative, lies the hopes and aspirations of all our people, save, of course, a selfish few.

Sir, I support the Motion. Thank you.

**Tuan (Timbalan) Yang di Pertua:** I cannot accept any Member rising in the House and putting up his hand just like in a school class room. This is the Chamber of Dewan Rakyat, not a class room. The Speaker has the discretion to invite any Member who he feels should be invited to speak.

**Tuan Peter Paul Dason (Pulau Pinang Utara):** (*Dengan izin*) Tuan Yang di Pertua, the Honourable Member for Johore Tenggara stated in this House that as a result of the Opposition asking for a Commission of Inquiry to look into the high rates of failure, there has arisen a credibility gap in the integrity of the examiners and the educational system in this country. We in the D.A.P., Tuan Yang di Pertua, cannot accept the conclusion he has drawn for the simple reason that the credibility gap came about because of the very high rate of failure in the 1972 M.C.E./S.P.M. examinations, and therefore we are of the opinion that the only and surest way to restore the credibility of the Government, of the examiners and of the educational system, is to hold a Commission of Inquiry.

Mr Speaker, Sir, Malaysians by the thousands and millions have been shocked by the results of the 1972 S.P.M./M.C.E. examination results. And they were more than shocked by the speech of the Honourable Member for Tumpat who moved the Motion to thank His Majesty for his Gracious Speech in this House, and I definitely was more than surprised by the attitude adopted by that Honourable Member towards the many national issues which this country is gravely concerned with.

Whilst the Honourable Member was rightly concerned with the high rates of failure in the Science and Mathematics papers by Malay students in the 1972 M.C.E./S.P.M. Examinations and asked for a Commission to be set up to inquire into the causes for such high rates of failure in those two subjects by Malay students, he completely and with the greatest deliberation chose to ignore the appallingly high rate of failure by non-Malay students in the Bahasa Malaysia paper in the 1972 M.C.E. Examination. Are we to assume that the high rate of failure by non-Malay students in the Bahasa Malaysia paper is not a national problem? If the high rates of failure in Science and Mathematics by Malay students merit the setting up of a Commission of Inquiry, surely the high rates of failure in the Bahasa Malaysia paper by non-Malay students equally merit the setting up of a Commission to inquire into the causes of failure and to propose necessary remedies.

I am simply astounded by the peculiar sense of priorities of that Honourable Member and other Alliance back-benchers. It would appear that the Honourable Member puts the blame for the high rate of failure in the Bahasa Malaysia paper by non-Malay students on the students themselves in that they did not care to give sufficient attention to the subject. If we were to apply that logic to its natural conclusion, then are we to say that the plain and simple reason for the high rate of failures in Science and Mathematics by Malay students is simply due to the fact that they do not care to study science and mathematics. Surely, Mr Speaker, Sir, that cannot be the case, and that is why we in the D.A.P. have called for the setting up of a Commission of Inquiry to investigate into the causes of the high rates of failure by students not only in the Bahasa Malaysia paper but also in the Science and Mathematics papers. I regret very much the attitude adopted by

the Honourable Member for Tumpat and other Alliance backbenchers. It illustrates very vividly that whilst he is concerned with the problems faced by one segment of our multi-racial society he is totally indifferent to the plight of other sections of this multi-racial community.

Mr Speaker, Sir, the Constitution of Malaysia guarantees the free use of the other languages namely Chinese, Tamil and English for purposes other than for official usage and it is for this reason that we on this side of the House were astonished by the position taken by the Honourable Member for Tumpat with regard to the free use of these languages. The Honourable Member has made the complaint that many signboards in this country are in the Chinese language and that many products have labels in the Chinese language. What is wrong, Mr Speaker, Sir, if that be the case? Surely there is nothing wrong. If it is wrong to have signboards in Chinese, then it must also be wrong, one must assume, to have signboards in Tamil or in English. But that is not what the Constitution says. The Constitution, Mr Speaker, Sir, specifically permits the free use of these languages. Is the Honourable Member questioning the guarantees provided by the Constitution for the free use of these languages?

